

MPI GENERALI INSURANS BERHAD

(14730-X)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan

31 December 2016

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Kandungan	Muka Surat
Laporan Pengarah	1 - 25
Penyata Pengarah	26
Akuan Berkanun	26
Laporan Juruaudit Bebas	27 - 30
Penyata Kedudukan Kewangan	31
Penyata Pendapatan	32
Penyata Pendapatan Komprehensif	33
Penyata Perubahan Dalam Ekuiti	34 - 35
Penyata Aliran Tunai	36 - 37
Nota-nota Penyata Kewangan	38 - 128

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan Pengarah

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Aktiviti utama

Aktiviti utama Syarikat adalah penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am.

Kegiatan-kegiatan utama dana unit amanah borong adalah pelaburan dalam instrumen pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang.

Maklumat lain yang berkaitan dengan syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 6 (c) kepada penyata kewangan.

Keputusan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun kewangan	<u>66,064</u>	<u>59,687</u>
Keuntungan milik:		
Pemegang ekuiti Syarikat	64,377	59,687
Kepentingan bukan kawalan	<u>1,687</u>	<u>-</u>
	<u>66,064</u>	<u>59,687</u>

Tiada sebarang pemindahan yang matan kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan kecuali apa yang dinyatakan dalam penyata kewangan.

Para Pengarah berpendapat, keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat sepanjang tahun kewangan tidak terjejas dengan ketara oleh sebarang perkara, urusanniaga atau peristiwa penting dan luar biasa..

Dividen

Tiada dividen diisytiharkan dan dibayar oleh Syarikat semenjak akhir tahun kewangan sebelumnya. Para Pengarah tidak mencadangkan sebarang bayaran dividen bagi tahun kewangan semasa.

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Lembaga Pengarah

Nama para pengarah Syarikat yang memegang jawatan sejak awal tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini adalah:

Mohd Azlan bin Mohammed	<i>Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif</i>
Kheoh And Yeng	<i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
Datuk Tan Leh Kiah	<i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
Madam Tam Chiew Lin	<i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
Terence Yeuk Hang Wong (Meletak jawatan pada 26 September 2016)	<i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>
Jennifer Susan Sparks (Dilantik pada 26 September 2016)	<i>Pengarah Bebas Bukan Eksekutif</i>

Profil Pengarah

Berikut adalah profil para Pengarah Syarikat:

MOHD AZLAN BIN MOHAMMED

Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif

Encik Mohd Azlan bin Mohammed telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 15 Ogos 2014. Pada 7 Mei 2015, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Bebas Bukan Eksekutif Syarikat. Encik Azlan memegang Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dalam jurusan Perakaunan dan Perniagaan.

Encik Mohd Azlan merupakan Pengarah Urusan Wasco Oilfield Services Sdn Bhd ("Wasco") yang terlibat terutamanya dalam peruntukan perkhidmatan minyak dan gas. Beliau bertanggungjawab untuk menyelia operasi perniagaan Wasco.

Encik Mohd Azlan merupakan Pengerusi Indra Technology Solutions Malaysia Sdn Bhd, syarikat subsidiari Indra Sistemas, S.A., Sepanyol. Beliau adalah Pengarah Mision New Energy Limited, sebuah syarikat yang disenaraikan di ASX dan NYSE. Beliau kini merupakan pengarah beberapa syarikat subsidiari Wah Seong Corporation Berhad, sebuah syarikat subsidiari Ancom Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad di Malaysia.

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Profil Pengarah (samb.)

KHEOH AND YENG

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Cik Kheoh And Yeng telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 30 Mei 2006. Cik Kheoh berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Kepujian) daripada University of Manitoba, Kanada pada tahun 1979 dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada University of Windsor, Kanada pada 1981.

Cik Kheoh kini merupakan Ketua Pegawai Eksekutif MPH Capital Berhad ("MPH Capital"). Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Operasi ("COO") MPH Capital dari 14 Mei 2013 hingga 17 November 2016. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai COO MPH Capital, beliau bertanggungjawab bagi pengurusan keseluruhan operasi Kumpulan MPH Capital.

Sebelum menyertai MPH Capital pada Mei 2013, beliau merupakan COO Magnum Berhad ("Magnum"). Beliau menyertai Magnum sebagai Pengurus Besar pada tahun 2002 dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kanan pada tahun 2003 sebelum memegang jawatan Ketua Pegawai Operasi pada tahun 2007 sehingga Mei 2013.

Cik Kheoh merupakan Pengurus Kanan di Hong Leong Bank Berhad sebelum menyertai Magnum dan sepanjang dua belas (12) tahun perkhidmatan beliau di dalam bidang perbankan, beliau telah berkhidmat di dalam pelbagai bidang.

Cik Kheoh telah menguruskan sebuah syarikat pajakan dan sewabeli sebelum menyertai Hong Leong Bank Berhad.

DATUK TAN LEH KIAH

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Tan Leh Kiah telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 7 Mei 2015. Beliau merupakan seorang perunding dengan firma undang-undang Azman, Davidson & Co. Beliau merupakan Rakan Kongsi Urusan dari tahun 1986 hingga 2008. Beliau adalah Fellow Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Malaysia (MAICSA) dan ahli bersekutu Institut Cukai Berkanun Malaysia. Beliau juga adalah peguam cara Mahkamah Agung England dan Wales.

Datuk Francis Tan mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal korporat dan cukai. Beliau juga bertindak sebagai penasihat bagi perkara-perkara berkaitan struktur perniagaan serta pengambilalihan dan penggabungan, terutamanya dari aspek keberkesanan cukai. Beliau juga sering diundang sebagai penasihat bagi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan mahkamah atasan berkaitan perkara-perkara perundangan cukai dan syarikat.

Datuk Francis Tan adalah anggota Suruhanjaya Sekuriti. Beliau pertama kali dilantik pada tahun 1999.

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Profil Pengarah (samb.)

TAM CHIEW LIN

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Madam Tam telah dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat pada 7 Mei 2015. Beliau merupakan Fellow Institut Akauntan Berkanun di England dan Wales, Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia dan Akauntan Awam Institut Akauntan Awam Bertauliah. Beliau juga memiliki Diploma Pengurusan Antarabangsa Gunaan daripada Institut Pengurusan Sweden dan Sijil Lepasan Ijazah dalam Perbankan dan Kewangan daripada University of Wales, Bangor.

Madam Tam merupakan Pengarah Urusan Jerneh Asia Berhad dari tahun 2005 sehingga beliau bersara pada tahun 2012. Sebelum menyertai Kumpulan Jerneh, dia memegang pelbagai jawatan dalam kumpulan syarikat-syarikat IMC dari tahun 1991-2000.

Pada masa ini, Puan Tam turut menganggotai Lembaga Pengarah JAB Capital Berhad (sebelum ini dikenali sebagai Jerneh Asia Berhad) dan PPB Group Berhad.

JENNIFER SUSAN SPARKS

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Jenni Sparks telah dilantik ke Lembaga Pengarah Syarikat pada 26 September 2016. Jenni memegang Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian Kelas Pertama dalam Matematik Gunaan daripada University of Adelaide. Beliau juga merupakan Fellow Institut Aktuari Australia.

Jenni kini berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Kewangan Serantau, Asia of Assicurazioni Generali S.p.A ("Generali"). Beliau memacu operasi kewangan dan perakaunan serantau dan juga memantau pengurusan kewangan perniagaan Generali di Asia.

Jenni memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman antarabangsa dalam perkhidmatan insurans dan kewangan merantau Australia, Jepun dan Korea. Sebelum menyertai Generali, beliau merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Hartford Life Insurance KK. Di antara tahun 2003 dan 2011, beliau memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan dalam AIG, termasuk Ketua Pegawai Kewangan bagi AIG Edison Life di Jepun dan Pengawal Wilayah bagi syarikat-syarikat AIG Life

Komitmen profesional luaran

Tiada Pengarah memegang lebih daripada 25 jawatan pengarah (termasuk jawatan pengarah dalam syarikat).

Tempoh perjawatan Pengarah Bebas

Tempoh maksimum perkhidmatan seseorang Pengarah Bebas Syarikat tidak boleh melebihi sembilan (9) tahun.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Manfaat Para Pengarah

Menurut daftar pegangan saham, kepentingan para pengarah di dalam saham-saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	Bilangan Saham Biasa pada RM1 setiap satu			Pada 31.12.2016
	Pada 1.1.2016	Dibeli	Dilupuskan	
Syarikat Induk Muktamad MPHB Capital Berhad ("MPHB Capital")				
Kepentingan Langsung:				
Kheoh And Yeng	400,900	63,500	-	464,400
Datuk Tan Leh Kiah	170,000	-	-	170,000
Kepentingan Tidak Langsung:				
Datuk Tan Leh Kiah (a)	70,000	10,000	-	80,000

Nota:

- (a) Dianggap sebagai kepentingan menurut Seksyen 6A(4) Akta Syarikat 1965 yang dipegang melalui pemegangan sahamnya lebih daripada 15% kepentingan di AD Consult Sdn Bhd.

Selain daripada yang dimaklumkan, pengarah lain yang memegang jawatan pada akhir tahun kewangan tidak mempunyai sebarang kepentingan di dalam saham Syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di sepanjang tahun kewangan.

Manfaat Para Pengarah

Pihak Syarikat tidak terlibat dalam sebarang urusan samada pada akhir tahun kewangan atau pada bila-bila masa sepanjang tahun kewangan, bertujuan membolehkan para Pengarah menerima manfaat menerusi perolehan saham atau debentur Syarikat atau mana-mana badan korporat lain.

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu dan pada tarikh laporan ini, tiada Pengarah yang menerima atau berhak menerima sebarang manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran yang diterima atau akan diterima oleh para Pengarah yang ditunjuk dalam Nota 24 dan 29 kepada penyata kewangan), hasil daripada kontrak yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah merupakan seorang ahli, atau dengan syarikat dimana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat

Syarikat telah menggunakan amalan pengurusan yang selaras dengan prinsip-prinsip yang ditetapkan di bawah Dokumen Polisi bagi Tadbir Urus Korporat yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Piawaian Tadbir Urus Korporat

Peranan ahli dan bidang tugas Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko Syarikat, Jawatankuasa Pencalonan dan Jawatankuasa Imbuan adalah seperti berikut:

(i) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah ("Lembaga") Syarikat bertanggungjawab secara keseluruhan untuk menggalakkan pertumbuhan mampan dan kekukuhan kewangan Syarikat dan untuk memastikan piawaian dagangan wajar yang munasabah, tanpa pengaruh mana-mana pihak. Ini termasuk pertimbangan mengenai implikasi jangka panjang keputusan Lembaga ke atas Syarikat dan pelanggannya, pegawai dan orang awam.

Dalam memenuhi peranan ini, Lembaga hendaklah:

- (i) menetapkan dan mengawasi pelaksanaan objektif perniagaan dan risiko serta strategi Syarikat dan dalam berbuat demikian, Lembaga hendaklah mengambil kira daya maju jangka panjang Syarikat dan tahap munasabah bagi urusan wajar;
- (ii) memastikan dan memantau keberkesanan dan pelaksanaan sistem kawalan, pematuhan dan pengurusan risiko dalaman yang sepadan dengan sifat, skala dan kekompleksan perniagaan dan struktur Syarikat;
- (iii) memantau prestasi pengurusan kanan dalam menguruskan perniagaan dan hal ehwal Syarikat dalam memastikan bahawa perniagaan dan hal ehwal Syarikat yang sedang diuruskan dengan baik dan cekap. Ini termasuk memastikan kesolvenan dan keupayaan Syarikat untuk memenuhi obligasi kontrak dan melindungi asetnya;
- (iv) memastikan bahawa terdapat suatu proses pelaporan kewangan yang andal dan nyata dalam Syarikat;

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Piawaian Tadbir Urus Korporat (samb.)

(i) Tanggungjawab dan Pengawasan Lembaga Pengarah (samb.)

- (v) mengkaji semula dan meluluskan selera risiko, rancangan perniagaan dan inisiatif lain yang akan, secara bersendirian atau secara kumulatif, mempunyai kesan ketara ke atas profil risiko Syarikat, kemampuan kewangan, reputasi dan kawalan operasi utama Syarikat;
- (vi) menyelia pemilihan, prestasi, ganjaran dan pelan penggantian Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), ketua-ketua fungsian kawalan dan lain-lain ahli Pengurusan Kanan, setakat Lembaga berpuas hati dengan kecekapan kolektif pengurusan kanan dalam memimpin operasi Syarikat secara berkesan;
- (vii) mengawasi pelaksanaan rangka kerja tadbir urus dan kawalan dalaman Syarikat, dan menyemak secara berkala sama ada ianya masih kekal sesuai memandangkan perubahan ketara kepada saiz, jenis dan kekompleksan operasi Syarikat;
- (viii) bekerjasama dengan pihak pengurusan kanan, dalam menggalakkan budaya korporat yang mantap dalam Syarikat yang memperkukuhkan tatakelakuan beretika,
- (ix) memajukan kemampuan melalui pertimbangan persekitaran, sosial dan tadbir urus dalam strategi perniagaan Syarikat;
- (x) menyelia dan meluluskan pemulihan dan resolusi serta pelan kesinambungan perniagaan bagi Syarikat untuk memantapkan kedudukan kewangannya, dan mengekalkan atau memelihara operasi dan perkhidmatan kritikal sekiranya ia
- (xi) mewujudkan dan mengkaji semula secara berkala pelan penggantian bagi Lembaga Pengarah untuk menggalakkan pembaharuan Lembaga dan mengisi sebarang
- (xii) menggalakkan komunikasi yang menepati masa dan berkesan di antara Syarikat dan Bank Negara Malaysia (BNM) berkaitan mengenai perkara-perkara yang menjejaskan atau yang boleh menjejaskan keselamatan dan kemantapan Syarikat.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(ii) Pelaporan kewangan

Syarikat menyimpan rekod perakaunan yang sempurna dan penyata kewangan disediakan selaras Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), keperluan Akta Syarikat, 1965 Malaysia, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 serta keperluan Bank Negara Malaysia.

(iii) Keahlian dan mesyuarat jawatankuasa

Komposisi Jawatankuasa-jawatankuasa dan mesyuarat-mesyuarat yang diadakan sepanjang tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:-

	Kehadiran/Bilangan Mesyuarat					Jawatankuasa Pengurusan Risiko
	Lembaga Pengarah	Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Pencalonan	Jawatankuasa Imbuhan		
* Mohd Azlan bin Mohammed	Pengerusi 6/6	Ahli 6/6	Pengerusi 2/2	-	-	
** Datuk Tan Leh Kiah	Ahli 6/6	-	Pengerusi 1/1	Ahli 2/2	Pengerusi 6/6	
Puan Tam Chiew Lin	Pengerusi 6/6	Ahli 6/6	Ahli 3/3	Chairman 2/2	Ahli 6/6	
*** En Terence Yuek Hang Wong	Ahli 4/4	-	Ahli 1/2	-	Ahli 3/4	
Cik Kheoh And Yeng	Ahli 6/6	Ahli 6/6	-	Ahli 2/2	-	
**** Cik Jennifer Susan Sparks	Ahli 2/2	-	Ahli 1/1	-	Ahli 2/2	

* Mohd Azlan bin Mohammed tidak lagi menjawat jawatan Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan pada 26 September 2016

** Datuk Tan Leh Kiah telah dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan pada 26 September 2016.

*** En Terence Wong Yeuk Hang meletak jawatan sebagai Pengarah dan tidak lagi menjadi ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pencalonan pada 26 September

**** Cik Jennifer Susan Sparks telah dilantik sebagai Pengarah dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pencalonan pada 26 September 2016.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(iv) Latihan dihadiri

Para Pengarah akan terus menjalani program latihan berkaitan untuk mempertingkatkan diri mereka bagi menjalankan tugas Pengarah dengan berkesan.

Butir-butir latihan yang dihadiri oleh para Pengarah pada tahun kewangan ini adalah seperti berikut: -

- (i) Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan ("FIDE");
- (ii) Persidangan Kewangan Masa Depan oleh Bank Negara Malaysia;
- (iii) Program Tadbir Urus Korporat bertajuk Siri Pengerusi Lembaga Bahagian 2: "Kecemerlangan Kepimpinan"; dan
- (iv) Program Orientasi

(v) Tanggungjawab Jawatankuasa

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:-

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit adalah jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berfungsi bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas pemantauan yang dipertanggungjawabkan. Jawatankuasa Audit mengkaji proses pelaporan kewangan Syarikat, sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko, proses audit dan proses bagi memantau permatuhan undang-undang dan peraturan-peraturan Syarikat, dan juga perkara-perkara lain yang dipertanggungjawabkan oleh Lembaga Pengarah.

Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit termasuk yang berikut:

- (i) menyokong lembaga dalam memastikan bahawa terdapat suatu proses pelaporan kewangan yang andal dan telus dalam Syarikat;

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(v) Tanggungjawab Jawatankuasa (samb.)

Jawatankuasa Audit (samb.)

- (ii) mengawal selia keberkesanan fungsi audit dalaman yang termasuk yang berikut:
- mengkaji semula dan meluluskan skop audit, prosedur dan kekerapan;
 - mengkaji laporan audit utama dan memastikan pengurusan kanan mengambil tindakan pembetulan pada masanya untuk mengawal kelemahan, tidak mematuhi undang-undang, keperluan undang-undang, dasar dan masalah-masalah lain yang dikenal pasti oleh audit dalaman dan fungsi kawalan yang lain;
 - mencatatkan perbezaan pendapat yang ketara di antara ketua juruaudit dalaman dan pengurusan kanan, tidak kira sama ada ianya telah diselesaikan, untuk mengenal pasti sekiranya perbezaan pendapat tersebut mungkin membawa kesan ke atas proses audit atau penemuan, jika ada;
 - mewujudkan mekanisme untuk menilai prestasi dan keberkesanan fungsi audit dalaman
- (iii) melaksanakan pemantauan ke atas juruaudit luaran, yang merangkumi berikut:
- membuat cadangan kepada Lembaga berkaitan pelantikan, penyingkiran dan imbuhan juruaudit luar;
 - memantau dan menilai kebebasan juruaudit luaran termasuk merangkumi pelulusan peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh juruaudit luaran;
 - memantau dan menilai keberkesanan audit luaran, termasuk mengadakan mesyuarat tahunan dengan juruaudit luaran tanpa kehadiran pihak pengurusan kanan;
 - mengekalkan komunikasi kerap, pada masanya, terbuka dan secara jujur dengan juruaudit luaran, dan memastikan juruaudit luaran membuat laporan kepada jawatankuasa audit lembaga berkaitan perkara-perkara penting;
 - memastikan pengurusan kanan mengambil tindakan pembetulan yang perlu pada masanya untuk menangani penemuan dan cadangan audit luaran.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(v) Tanggungjawab Jawatankuasa (samb.)

Jawatankuasa Audit (samb.)

- (iv) mengkaji semula dan mengemaskinikan maklumat bagi Lembaga berkaitan ke semua
- (v) mengkaji semula ketepatan dan kecukupan laporan pengarah dan pendedahan tadbir urus korporat berhubung dengan penyediaan penyata kewangan;
- (vi) memantau pematuhan dengan dasar kepentingan konflik lembaga;
- (vii) mengkaji pendapat pihak ketiga berkaitan reka bentuk dan keberkesanan rangka kerja kawalan dalaman Syarikat;
- (viii) mengkaji semula sebarang konflik kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat termasuk sebarang urusan niaga, prosedur atau tatacara yang menimbulkan persoalan integriti pengurusan;
- (ix) memastikan Syarikat mematuhi Dokumen Polisi Bank Negara Malaysia berkaitan Laporan Kewangan yang memerlukan Syarikat untuk menerbitkan penyata akaunnya dalam tempoh 14 hari daripada pembentangan akaunnya pada mesyuarat agung
- (x) memastikan akaun Syarikat disediakan tepat pada masanya dan secara jitu untuk tujuan pengawalseliaan, pengurusan dan pelaporan umum, dengan kajian semula kerap ke atas kecukupan peruntukan; dan
- (xi) memastikan isu-isu penyeliaan yang dibangkitkan oleh Bank Negara Malaysia diselesaikan dengan cara yang menepati masanya.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(v) Tanggungjawab Jawatankuasa (samb.)

Jawatankuasa Pencalonan ("NC")

NC bertanggungjawab untuk:

- (i) mewujudkan prosedur dan keperluan bagi pelantikan dan penyingkiran para Pengarah dan pegawai kanan utama Syarikat;
- (ii) menyelia komposisi keseluruhan Lembaga Pengarah dari segi saiz dan kemahiran yang sesuai, keseimbangan di antara pengarah eksekutif, pengarah bukan eksekutif dan pengarah bebas, dan gabungan kemahiran dan kecekapan teras lain atau kemahiran yang diperlukan oleh para pengarah, dan juga memastikan komposisi Lembaga Pengarah mematuhi keperluan seperti yang dinyatakan dalam perenggan 11 Dokumen Polisi Bank Negara Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat Malaysia ("Dokumen Polisi Tadbir Urus Korporat") menerusi tinjauan tahunan;
- (iii) menaksir dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah:
 - calon-calon yang akan dilantik ke Lembaga Pengarah dan calon-calon untuk jawatan Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO"), pegawai-pegawai kanan
 - cadangan pelantikan semula para Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif sebelum permohonan untuk kelulusan diserahkan kepada Bank Negara
 - cadangan pemilihan semula/pelantikan semula para Pengarah sebelum dikemukakan kepada pemegang saham untuk kelulusan di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat, termasuk menjalankan penilaian tahap kelayakan, kejujuran dan kewajaran calon-calon, Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, pegawai kanan utama dan Setiausaha Syarikat yang
- (iv) mewujudkan mekanisme untuk penilaian formal dan menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan/prestasi pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai-pegawai kanan utama;
- (v) melaporkan cadangan/penemuannya kepada Lembaga Pengarah berhubung keberkesanan Lembaga Pengarah secara keseluruhan, sumbangan setiap Pengarah terhadap keberkesanan Lembaga Pengarah, sumbangan/prestasi pelbagai jawatankuasa Lembaga Pengarah dan prestasi Ketua Pegawai Eksekutif atau
- (vi) menilai kebebasan Pengarah Bebas;

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(v) Tanggungjawab Jawatankuasa (samb.)

Jawatankuasa Pencalonan ("NC")

- (vii) menilai dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah berhubung penyingkiran seseorang Pengarah dan Setiausaha Syarikat, jika mereka tidak lagi memenuhi keperluan yang dinyatakan dalam Dokumen Polisi Tadbir Urus Korporat, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 ("FSA") dan keperluan kawal selia yang lain (jika berkenaan), atau jika mereka tidak efektif, menyeleweng atau sekiranya tidak sesuai
- (viii) memastikan semua pengarah menjalani program latihan yang bersesuaian dan menerima latihan berterusan; dan
- (ix) pemantauan pelantikan, perancangan penggantian pengurusan dan penilaian prestasi Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai-pegawai kanan utama, dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah berhubung penyingkiran Ketua Pegawai Eksekutif atau pegawai-pegawai kanan utama atau setiausaha syarikat, jika mereka tidak lagi memenuhi keperluan minimum selaras dengan Dokumen Polisi Tadbir Urus Korporat, FSA dan keperluan kawal selia yang lain dan, atau telah dinilai sebagai tidak efektif,

Jawatankuasa Imbuhan ("RC")

RC bertanggungjawab mencadangkan kepada Lembaga Pengarah satu rangka kerja struktur imbuhan bagi para pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan kakitangan Syarikat.

RC juga bertanggungjawab untuk:

- (i) menyokong Lembaga Pengarah ("Lembaga") dalam memantau reka bentuk dan operasi sistem imbuhan Syarikat, yang merangkumi berikut:
 - mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan/penggunaan sebarang perubahan besar dalam struktur manfaat
 - mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan/ penggunaan polisi atau rangka kerja skim insentif pekerja tahunan Syarikat yang mungkin merangkumi peningkatan merit, bonus
- (ii) mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan keseluruhan rangka kerja/polisi imbuhan Syarikat;

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(v) Tanggungjawab Jawatankuasa (samb.)

Jawatankuasa Imbuhan ("RC") (samb.)

(iii) mengkaji semula dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah pakej imbuhan tertentu bagi Para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif, pegawai-pegawai kanan utama dan pengambil risiko penting lain Syarikat. Pakej imbuhan seharusnya:

- berdasarkan pertimbangan objektif dan diluluskan oleh Lembaga;
- mengambil pertimbangan yang sewajarnya penilaian Jawatankuasa Pencalonan berkaitan keberkesanan dan sumbangan para Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan pegawai-pegawai kanan utama yang
- tidak boleh ditentukan menerusi budi bicara tunggal mana-mana satu individu atau kumpulan individu yang terhad; dan
- berdaya saing dan konsisten dengan budaya, objektif dan strategi Syarikat.

RC perlu mengkaji semula secara kerap dan meluluskan senarai pegawai yang termasuk dalam takrif "pengambil risiko penting lain".

(iv) menjalankan kajian semula secara kerap imbuhan Pengarah, terutamanya sama ada imbuhan mereka bersesuaian dengan sumbangan setiap Pengarah, dengan mengambil kira tahap kepakaran, komitmen dan tanggungjawab yang dipikul.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC")

RMC bertanggungjawab untuk:

(i) memastikan objektif korporat Syarikat disokong oleh strategi risiko yang mantap dan rangka kerja pengurusan risiko yang berkesan (peta risiko Syarikat termasuk risiko pematuhan sebagai salah satu risiko operasi dan apa-apa yang berkaitan pengurusan risiko termasuk pengurusan risiko pematuhan) yang sesuai dengan sifat, skala dan kekompleksan aktiviti;

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tadbir Urus Korporat (samb.)

(v) Tanggungjawab Jawatankuasa (samb.)

Jawatankuasa Pengurusan Risiko ("RMC") (samb.)

- (ii) mengkaji semula dan mencadangkan strategi pengurusan risiko, polisi dan toleransi risiko dan strategi risiko (termasuk selera risiko) Syarikat bagi kelulusan Lembaga Pengarah dan mengawasi pelaksanaannya;
- (iii) mengkaji semula dan menilai polisi dan rangka kerja kecukupan pengurusan risiko bagi mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko serta keberkesanan operasinya;
- (iv) mengkaji semula dan menilai pelaksanaan strategi risiko pihak pengurusan dan mendapatkan jaminan bahawa unit organisasi beroperasi di dalam parameter selera risiko Syarikat;
- (v) mengkaji semula dan menilai selera risiko Syarikat secara berkala untuk memastikan ianya terus relevan dan mencerminkan sebarang perubahan dalam keupayaan Syarikat untuk menghadapi risiko, profil risiko sedia adanya, serta keadaan pasaran
- (vi) memastikan infrastruktur, sumber dan sistem yang wajar telah ditetapkan untuk sistem pengurusan risiko yang efektif iaitu memastikan bahawa kakitangan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan sistem pengurusan risiko menjalankan tugas mereka secara bebas daripada kegiatan mengambil risiko Syarikat;
- (vii) mengkaji semula laporan berkala pengurusan mengenai pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan aktiviti pengurusan risiko;
- (viii) membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan sistem imbuhan yang mantap, memeriksa sama ada insentif yang disediakan oleh sistem imbuhan Syarikat mengambil kira risiko, modal, kecairan dan kemungkinan dan pemasaan hasil pendapatan, tanpa menjejaskan tugas-tugas Jawatankuasa Imbuhan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Dasar Imbuhan

Dasar Imbuhan adalah salah satu komponen utama yang menyokong visi dan misi perniagaan secara keseluruhan. Objektif utama Dasar Imbuhan ini adalah untuk menyokong strategi Sumber Manusia untuk menarik, mengekal, memotivasi dan memberi ganjaran kepada para pekerja yang berprestasi tinggi. Rangka kerja imbuhan Syarikat direka untuk memastikan bahawa ganjaran adalah jelas diukur dengan prestasi, dan selaras dengan keputusan yang dicapai.

Skop Dasar Imbuhan

Syarikat telah menerima pakai Buku Panduan Pekerja MPH Capital Berhad.

Dasar imbuhan digunakan bagi semua peringkat kakitangan Syarikat termasuk pengurusan kanan.

Komponen Imbuhan

Struktur imbuhan bersepadu Syarikat terdiri daripada tiga komponen:

Gaji

Gaji asas merupakan elemen utama dalam pakej imbuhan untuk menarik, memberi insentif dan mengekal bakat dalam pasaran yang kompetitif. Ia ditentukan berdasarkan tanggungjawab, tugas dan skop pekerja.

Manfaat

Pampasan dan manfaat dalam bentuk tunai atau barangan untuk memudahkan operasi perniagaan untuk mencerminkan skala perniagaan Syarikat dan daya saing di dalam dan di luar

Bonus Prestasi

Bonus prestasi adalah pampasan di luar gaji biasa dan biasanya diberikan setelah satu latihan penilaian prestasi tahunan dilaksanakan oleh Syarikat.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Struktur Imbuan

Struktur imbuan direka bentuk untuk memastikan bahawa terdapat keseimbangan yang sewajarnya di antara ganjaran prestasi dan sikap kakitangan.

Pencapaian keputusan Syarikat dan prestasi individu terhadap KPI yang disasarkan akan digunakan sebagai asas kepada penentuan imbuan. Cadangan imbuan akan dikaji semula oleh Jawatankuasa Imbuan dan akan dicadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

Bidang-bidang utama yang mempengaruhi imbuan kakitangan

Petunjuk Prestasi Utama	Fungsi Jualan	Fungsi Operasi	Fungsi Sokongan	Fungsi Kawalan
Prestasi kewangan	√	√	√	-
Keberkesanan & inisiatif	√	√	√	√
Pemeriksaan & keterlibatan insan	√	√	√	√
Kompetensi dan pembangunan	√	√	√	√

Gaji

Semakan gaji dilaksanakan secara tahunan dan tertakluk kepada budi bicara Syarikat. Jumlah imbuan dan tahap gaji kakitangan utama dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Imbuan. Kakitangan sepenuh masa yang telah menamatkan tempoh percubaan mereka sebelum 31 Disember layak untuk semakan gaji tahunan. Pelarasan gaji kakitangan individu adalah berdasarkan prestasi dan sumbangan individu kepada Syarikat dan gaji pasaran jawatan individu itu.

Manfaat

Tujuan utama pampasan dan manfaat adalah untuk memberi insentif kepada kakitangan seiring dengan pelaksanaan tugas berdasarkan portfolio dan tahap jawatan mereka. Jawatan-jawatan utama dan kanan ditawarkan manfaat dan pampasan yang berdaya saing dan setanding dengan industri untuk memastikan prestasi dan pengekalan kakitangan secara berterusan. Manfaat kakitangan disediakan oleh syarikat adalah seperti elaun kereta, perubatan, insurans dan

Bonus Prestasi

Bonus berasaskan prestasi boleh dibayar kepada kakitangan yang layak mengikut budi bicara Syarikat selepas kitaran prestasi tahunan dilengkapkan. Pembayaran bonus mengikut budi bicara ini ditentukan oleh keputusan Syarikat dan prestasi individu.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Struktur Imbuan (samb.)

Pada tahun semasa, Lembaga Pengarah telah mengkaji semula dan meluluskan petunjuk prestasi utama ("KPI") bagi kakitangan. KPI dengan pelbagai wajaran yang diberikan kepada portfolio/jabatan masing-masing akan digunakan untuk menilai prestasi kakitangan dalam portfolio/jabatan masing-masing.

Pencapaian sasaran Syarikat iaitu premium bertulis kasar, keputusan operasi, jumlah perbelanjaan am dan nisbah gabungan bersih akan menentukan tahap pendanaan pembiayaan bonus sebenar, yang seterusnya dipadankan kepada pencapaian KPI individu untuk menentukan pembayaran bonus individu.

Kakitangan dalam fungsi kawalan tidak dinilai berdasarkan bidang prestasi utama Syarikat seperti keuntungan, produktiviti dan pertumbuhan. Peranan pengurusan risiko serta jabatan undang-undang dan pematuhan tidak dikaitkan dengan hasil aktiviti perniagaan bagi memastikan ganjaran mereka ditentukan secara bebas daripada aktiviti perniagaan di bawah penyeliaan mereka. Komponen imbuan berubah mereka ditetapkan berdasarkan pencapaian objektif bukan komersil yang berkaitan dengan jawatan mereka.

Lembaga Pengarah, berdasarkan cadangan Jawatankuasa Imbuan telah meluluskan kenaikan gaji/pelarasan, pembayaran bonus dan promosi/menaik taraf kakitangan berdasarkan keputusan

Rangka Kerja Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko

Tadbir Urus Risiko

Rangka kerja kawalan dalaman dan pengurusan risiko Syarikat adalah satu set peraturan, prosedur dan struktur yang memastikan keberkesanan operasi Syarikat dan membolehkannya untuk mengenal pasti, mengurus dan memantau pendedahan risiko-risiko utama Syarikat.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Rangka Kerja Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko (samb.)

Tadbir Urus Risiko (samb.)

Ciri-ciri utama rangka kerja ini adalah:

- (i) Persekitaran dan aktiviti kawalan dalaman
- (ii) Kesedaran dan pemantauan
- (iii) Tugas laporan
- (iv) Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah ("Lembaga") dan jawatankuasa yang berkaitan, Jawatankuasa Eksekutif, termasuk Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO"), yang bertanggungjawab untuk rangka kerja kawalan dalaman dan pengurusan risiko, dan dan juga, Ketua Pegawai Kewangan ("CFO"), yang bertanggungjawab bagi penyediaan laporan kewangan Syarikat, pemilik risiko dan Fungsi Kawalan perlu dilaksanakan di dalam rangka kerja kawalan dalaman dan pengurusan risiko.

Rangka kerja kawalan dalaman dan pengurusan risiko Syarikat dibentuk berdasarkan tiga barisan pertahanan:

- (i) Unit Operasi dan Perniagaan ("pemilik risiko"), yang mewakili barisan pertahanan pertama dan mempunyai tanggungjawab mutlak terhadap risiko yang berkaitan
- (ii) Fungsian Pematuhan dan Pengurusan Risiko, yang mewakili barisan pertahanan kedua; dan
- (iii) Audit Dalaman, yang mewakili barisan pertahanan ketiga.

Audit Dalaman berserta Fungsian Pematuhan dan Pengurusan Risiko mewakili "Fungsian Kawalan".

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Rangka Kerja Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko (samb.)

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Prinsip-prinsip yang menentukan rangka kerja pengurusan risiko Syarikat disediakan di dalam Dasar Pengurusan Risiko Syarikat yang merupakan asas kepada semua dasar dan garis panduan yang berkaitan risiko. Dasar Pengurusan Risiko merangkumi kesemua pendedahan risiko syarikat semasa dan masa depan.

Proses pengurusan risiko Syarikat ditakrifkan dalam fasa-fasa berikut:

(i) Pengenalpastian risiko

Tujuan pengenalpastian risiko adalah untuk memastikan bahawa kesemua pendedahan risiko penting Syarikat dikenal pasti dengan tepat. Untuk tujuan ini, Fungsi Pengurusan Risiko berinteraksi dengan Unit Operasi dan Perniagaan utama untuk mengenal pasti risiko utama, menilai kepentingannya dan memastikan bahawa langkah-langkah yang mencukupi diambil untuk mengurangkan risiko mengikut proses tadbir urus yang mantap. Dalam proses ini, risiko memuncul juga

(ii) Pengukuran risiko

Kaedah pengukuran risiko sepunya (kualitatif dan kuantitatif) digunakan untuk memberikan pengukuran risiko bersepadu di peringkat Syarikat. Untuk menilai risiko yang dikenal pasti mengikut Peta Risiko Syarikat, pendekatan kualitatif dan kuantitatif dilaksanakan bersama. CRO hendaklah berhubung dengan fungsian kompeten Syarikat lain bagi takrif metodologi penilaian risiko lain.

Pendekatan kuantitatif hendaklah berdasarkan keperluan modal yang dihitung berdasarkan RBC BNM bagi Penanggung Insurans, dilengkapi dengan teknik pengukuran tambahan yang dianggap wajar dan seimbang.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Rangka Kerja Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko (samb.)

Rangka Kerja Pengurusan Risiko (samb.)

(iii) Pengurusan Risiko dan Kawalan

Rangka Kerja Risiko Syarikat (RAF) mendefinisikan tahap risiko yang sanggup ditanggung oleh Syarikat dalam menjalankan perniagaan dan menyediakan rangka kerja keseluruhan bagi penerapan pengurusan risiko ke dalam proses perniagaan.

Rangka Kerja Risiko (RAF) menyokong pilihan risiko yang berkesan dengan menetapkan risiko yang boleh diterima, dielakkan, dikekalkan atau disingkirkan oleh Syarikat, bersama-sama dengan langkah-langkah bagi menyesuaikan aktiviti-aktiviti Syarikat secara konsisten, menerusi prosedur pemantauan dan penambahbaikan.

Preskripsi khusus bagi menguruskan kategori risiko yang berbeza, disediakan dalam dasar-dasar dan garis panduan berkaitan yang dinyatakan di dalam jadual berikut.

Kategori Risiko	Dasar Risiko Berkaitan	Dasar-dasar lain
Risiko Kewangan	Dasar Pelaburan	Dasar Pengurusan Modal
Risiko Kredit	Dasar Pelaburan, Rangka Kerja Insurans Semula	Pengurusan Data & Dasar MIS
Risiko Insurans	Rangka Kerja Penajajaminan, Dasar Penentuan Harga, Dasar Penghargaan Semula Kesihatan	Dasar Kesesuaian dan Kelayakan
Risiko Operasi	Dasar Pengurusan Risiko Operasi, Dasar Pengurusan Kesenambungan Perniagaan, Dasar Pematuhan, Metodologi Penilaian Risiko Pematuhan, Kod Etika, Dasar Kawalan Dalaman, AML & CFT Dasar Sanksi Antarabangsa, Dasar Pemberi Maklumat	Dasar Sistem Pengawalseliaan Dalaman

(iv) Pelaporan Risiko

Tujuan pemantauan dan pelaporan risiko adalah untuk mengemaskini maklumat terkini bagi Unit Operasi dan Perniagaan, Jawatankuasa Eksekutif, Lembaga Pengarah dan juga Bank Negara Malaysia agar mereka sedar dan maklum akan perkembangan profil risiko, arah aliran risiko, dan sekiranya wujud ketidakpatuhan had terima risiko.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Rangka Kerja Kawalan Dalaman dan Pengurusan Risiko (samb.)

Fungsian Kawalan Dalaman

Fungsian Audit Dalaman merupakan satu fungsi bebas, berkesan dan objektif ditubuhkan untuk memeriksa dan menilai kecukupan, fungsi, keberkesanan dan kecekapan sistem kawalan dalaman dan kesemua unsur-unsur lain dalam sistem tadbir urus, dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem kawalan dalaman, organisasi dan proses tadbir urus. Fungsian Audit Dalaman menyokong Lembaga Pengarah ("Lembaga") dalam mengenal pasti strategi dan garis panduan kawalan dalaman dan pengurusan risiko, memastikan ianya bersesuaian dan sah mengikut pengaliran masa dan membentangkan analisis, penilaian, cadangan dan maklumat mengenai aktiviti dikaji semula kepada Lembaga Pengarah; ia juga menjalankan aktiviti jaminan dan khidmat nasihat bagi manfaat Lembaga Pengarah, pengurusan atasan dan jabatan-jabatan lain.

Pelan audit tahunan dikaji semula dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit ("AC"). Laporan audit bertulis disediakan dan diterbitkan setelah lengkapnya tugas audit dan hendaklah dihantar kepada pihak yang diaudit dan hierarki mereka. AC disediakan dengan laporan aktiviti dan isu-isu penting terkini dan cadangan pelan tindakan, sekurang-kurangnya dua kali setahun.

AC menentukan apakah tindakan yang perlu diambil bersabit dengan setiap isu dan memastikan bahawa tindakan tersebut dilaksanakan. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku sebarang peristiwa yang ketara, Ketua Audit Dalaman ("HIA") akan segera memaklumkan Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah. Mengikut fungsinya, HIA melapor secara langsung kepada Jawatankuasa Audit dan Ketua Audit (Asia). Di samping itu, HIA juga melapor kepada Ketua Pegawai Eksekutif, selaras dengan pentadbiran Syarikat. Ini memastikan autonomi untuk bertindak secara bebas daripada pihak pengurusan operasi serta menggalakkan aliran komunikasi yang lebih berkesan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Maklumat Berkanun Lain

- (a) Sebelum penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar:
 - (i) untuk menentukan bahawa tindakan yang sesuai telah diambil berhubung dengan penghapuskiraan hutang lapuk dan membuat peruntukan bagi hutang ragu, serta berpuas hati bahawa semua hutang lapuk yang dikenal pasti telah dihapuskira dan peruntukan secukupnya telah dibuat bagi rosot nilai; dan
 - (ii) untuk memastikan bahawa sebarang aset semasa yang mungkin tidak dapat direalisasikan pada nilai yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan dalam urusan biasa perniagaan, telah dikurangkan nilainya kepada nilai yang dijangka boleh direalisasikan.
- (b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang kewujudan sebarang keadaan yang akan mengakibatkan:
 - (i) jumlah hutang lapuk yang dihapuskira atau jumlah yang diperuntukan bagi hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi secara ketara; dan
 - (ii) nilai aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang mengelirukan.
- (c) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang kewujudan sebarang keadaan yang akan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada mengelirukan atau tidak bersesuaian.
- (d) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari tentang sebarang keadaan yang tidak diambilkira di dalam laporan ini atau penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan di dalam penyata kewangan mengelirukan.
- (e) Pada tarikh laporan ini, tidak terdapat:
 - (i) Sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan dan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan sebagai jaminan untuk liabiliti pihak lain; dan
 - (ii) Sebarang liabiliti luar jangka Kumpulan dan Syarikat yang wujud sejak akhir tahun kewangan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Maklumat Berkanun Lain (samb.)

- (f) Pada pendapat para Pengarah:
- (i) tiada liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain Kumpulan dan Syarikat yang berkuatkuasa atau mungkin dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan dari akhir tahun kewangan, yang akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menunaikan tanggungannya apabila tiba masanya;
 - (ii) tiada sebarang perkara, urusan atau peristiwa penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini, yang dijangka boleh menjejaskan dengan ketara keputusan operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan yang dirangkumi oleh laporan ini; dan
 - (iii) Bagi tujuan perenggan (e) (ii) dan (f) (i), liabiliti luar jangka atau liabiliti-liabiliti lain tidak termasuk liabiliti yang berpunca daripada kontrak pengunderaitan insurans dalam urusan biasa Syarikat; dan
- (g) Sebelum penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan dan penyata pendapatan komprehensif Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menentukan penilaian peruntukan yang mencukupi bagi liabiliti insuran menurut kaedah Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia untuk para penanggung insurans.

Peristiwa berikutnya

Butir-butir peristiwa berikutnya dinyatakan di dalam Nota 35 kepada penyata kewangan.

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Juruaudit

Juruaudit Ernst & Young, menyatakan kesanggupan mereka untuk meneruskan perkhidmatan.

Imbuhan juruaudit dinyatakan di dalam Nota 24 kepada penyata kewangan.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi para Pengarah pada 21 Mac 2017.

Ditandatangani

Ditandatangani

Mohd Azlan bin Mohammed

Kheoh And Yeng

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

**Penyata Pengarah
Selaras Dengan Seksyen 251(2) Akta Syarikat, 2016**

Kami, Mohd Azlan bin Mohammed dan Kheoh And Yeng, dua Pengarah MPI Generali Insurans Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan syarikat seperti yang dibentangkan dalam muka surat 31 hingga 128 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga menurut resolusi Lembaga Pengarah pada 21 Mac 2017.

Ditandatangani

Ditandatangani

Mohd Azlan bin Mohammed

Kheoh And Yeng

**Akuan Berkanun
Menurut Seksyen 251(1)(b) Akta Syarikat, 2016**

Saya, Tan Chuan Li, Pegawai yang terutamanya bertanggungjawab ke-atas pengurusan kewangan MPI Generali Insurans Berhad, sesungguhnya dan seikhlasnya mengaku bahawa penyata kewangan yang dibentangkan dalam mukasurat 31 hingga 128 adalah pada pendapat saya betul, dan saya membuat akuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya
oleh penama di atas Tan Chuan Li di Kuala
Lumpur pada 21 Mac 2017.

Ditandatangani

Tan Chuan Li

Di hadapan saya,

14730-X

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli
MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

Laporan audit mengenai penyata kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan MPI Generali Insurans Bhd, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2016, dan penyata pendapatan, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir berkenaan, dan ringkasan dasar perakaunan penting serta nota-nota penjelasan lain, seperti ditunjukkan pada halaman 31 hingga 128.

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2016, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Asas pendapat

Kami telah melaksanakan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang telah diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut telah dihuraikan dengan lebih lanjut lagi di bawah bahagian "*Tanggungjawab juruaudit bagi pengauditan penyata kewangan*" di dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan wajar untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami beroperasi secara bebas daripada Kumpulan dan Bank menurut Undang-undang Kecil (berkaitan Etika, Perilaku dan Amalan Profesional) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional bagi Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab-tanggungjawab etika lain selaras dengan Undang-undang Kecil dan Kod IESBA.

14730-X

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli
MPI Generali Insurans Berhad (samb.)
Diperbadankan di Malaysia**

Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit berikutnya

Para Pengarah Bank bertanggungjawab terhadap maklumat yang lain. Maklumat yang lain merangkumi Laporan Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan laporan juruaudit kami berikutnya.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Bank tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan keatas kesimpulannya.

Sehubungan dengan pengauditan kami keatas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras secara matan dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau maklumat yang kami perolehi daripada pengauditan atau sebaliknya menampakkan salah nyata matan.

Sekiranya, berasaskan kepada kerja-kerja yang telah kami melaksanakan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang matan dalam maklumat lain tersebut; kami dikehendaki melaporkan maklumat tersebut. Sehubungan dengan hal ini, kami tidak mempunyai sebarang maklumat untuk dilaporkan.

Tanggungjawab Pengarah terhadap penyata kewangan

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat agar memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman menurut budi bicara para Pengarah bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan, menyatakan, sepertimana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan perakaunan asas usaha berterusan melainkan sekiranya para Pengarah sama ada berhasrat untuk membubarkan Kumpulan atau Syarikat atau menamatkan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain berbuat demikian.

14730-X

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli
MPI Generali Insurans Berhad (samb.)
Diperbadankan di Malaysia**

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang wajar sekiranya penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara menyeluruh adalah bebas daripada salah nyata matan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan membentangkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang wajar merupakan satu jaminan peringkat tinggi, namun ianya bukan jaminan bahawa audit yang dilaksanakan selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengenal pasti salah nyata matan sekiranya ianya wujud. Salah nyataan boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap matan sekiranya, secara individu atau agregat, ianya secara wajar dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh para pengguna berasaskan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami mempraktikkan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan audit. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata matan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan langkah-langkah audit yang responsif terhadap risiko tersebut, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan berpatutan sebagai asas bagi pendapat kami. Risiko tidak dapat mengesan salah nyata matan disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi berbanding dengan yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian bertujuan, salah nyata, atau pelanggaran kawalan dalaman.
- Mendapatkan kefahaman terhadap kawalan dalaman berkaitan dengan audit untuk merangka langkah-langkah audit yang sewajarnya mengikut keadaan, tetapi bukan dengan tujuan memberi pendapat terhadap keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat.
- Menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Para Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Para Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian matan berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan terhadap keupayaan Kumpulan dan Syarikat meneruskan operasi sebagai usaha berterusan. Sekiranya kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian matan wujud, kami dikehendaki menyerlahkannya di dalam laporan juruaudit kami terhadap pendedahan berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, sekiranya pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan mungkin menyebabkan Kumpulan dan Syarikat menamatkan operasi sebagai usaha berterusan.

14730-X

**Laporan juruaudit bebas kepada ahli
MPI Generali Insurans Berhad (samb.)
(Diperbadankan di Malaysia)**

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan (samb.)

- Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sekiranya penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mewakili urusan niaga dasar dan peristiwa-peristiwa yang membolehkan pembentangan yang saksama.
- Memperolehi bukti audit yang mencukupi berkaitan dengan maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab bagi arahan, penyeliaan dan prestasi pengauditan kumpulan. Kami semata-mata bertanggungjawab bagi pendapat pengauditan kami.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan pemasaan audit dan penemuan audit penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan kami.

Perkara-perkara lain

Laporan ini disediakan khusus untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, sejajar dengan Seksyen 266 Akta Syarikat, 2016 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.

**Ernst & Young
AF: 0039
Akauntan-akauntan Bertauliah**

**Kuala Lumpur, Malaysia
21 Mac 2017**

**Yeo Beng Yean
No. 03013/10/2018 J
Akauntan Bertauliah**

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
ASET					
Hartanah dan peralatan	3	7,938	7,618	7,938	7,618
Hartanah pelaburan	4	7,862	8,684	7,862	8,684
Aset tidak ketara	5	3,158	2,960	3,158	2,960
Sekuriti pelaburan	6	976,516	852,270	912,940	794,539
Pinjaman	7	15	15	15	15
Aset insurans semula	8	381,056	434,278	381,056	434,278
Belum terima insurans	9	145,356	186,912	145,356	186,912
Belum terima lain	10	68,414	80,994	64,947	78,061
Tunai dan baki bank	11	19,447	11,503	19,228	8,509
Aset cukai tertunda	16	1,549	-	1,549	-
Jumlah aset		1,611,311	1,585,234	1,544,049	1,521,576
EKUITI DAN LIABILITI					
Modal saham	12	100,000	100,000	100,000	100,000
Premium saham		200	200	200	200
Perolehan tertahan	13	366,360	301,982	360,770	301,083
Rizab nilai saksama	13	(9,166)	(738)	(6,098)	(1,088)
Ekuiti pemegang saham		457,394	401,444	454,872	400,195
Kepentingan bukan kawalan	33	64,627	62,288	-	-
Jumlah ekuiti		522,021	463,732	454,872	400,195
Liabiliti kontrak insurans	14	916,361	929,881	916,361	929,881
Pemiutang insurans	15	121,808	152,997	121,808	152,997
Cukai belum bayar		7,478	4,764	7,478	4,764
Liabiliti cukai tertunda	16	-	369	-	369
Pemiutang lain	17	43,643	33,491	43,530	33,370
Jumlah liabiliti		1,089,290	1,121,502	1,089,177	1,121,381
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		1,611,311	1,585,234	1,544,049	1,521,576

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata pendapatan
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Premium terperoleh kasar		633,211	579,018	633,211	579,018
Premium diserahkan kepada penanggung insurans semula		(242,365)	(239,677)	(242,365)	(239,677)
Premium terperoleh bersih	18	<u>390,846</u>	<u>339,341</u>	<u>390,846</u>	<u>339,341</u>
Pendapatan pelaburan	19	39,601	35,458	37,356	32,412
Perolehan direalisasi	20	10,329	2,697	5,857	2,610
Pendapatan komisen	21	45,732	42,983	45,732	42,983
Hasil kendalian lain	22	3,495	7,474	3,596	7,590
Hasil lain		<u>99,157</u>	<u>88,612</u>	<u>92,541</u>	<u>85,595</u>
Tuntutan kasar dibayar	23	(355,032)	(261,543)	(355,032)	(261,543)
Tuntutan diserahkan kepada penanggung insurans semula	23	155,430	100,091	155,430	100,091
Perubahan kasar kepada liabiliti kontrak	23	17,964	(17,275)	17,964	(17,275)
Perubahan dalam liabiliti kontrak diserahkan kepada penanggung insurans semula	23	(45,017)	(7,199)	(45,017)	(7,199)
Tuntutan bersih ditanggung		<u>(226,655)</u>	<u>(185,926)</u>	<u>(226,655)</u>	<u>(185,926)</u>
Perbelanjaan komisen		(85,944)	(78,397)	(85,944)	(78,397)
Perbelanjaan pengurusan	24	(95,076)	(86,484)	(94,837)	(86,253)
Perbelanjaan lain		<u>(181,020)</u>	<u>(164,881)</u>	<u>(180,781)</u>	<u>(164,650)</u>
Keuntungan sebelum cukai		82,328	77,146	75,951	74,360
Cukai	25	(16,264)	(15,716)	(16,264)	(15,716)
Keuntungan bersih bagi tahun semasa		<u>66,064</u>	<u>61,430</u>	<u>59,687</u>	<u>58,644</u>
Perolehan sesaham (sen)					
Asas dan dcairkan	26	<u>66.1</u>	<u>61.4</u>		

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata pendapatan komprehensif
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Keuntungan bersih bagi tahun semasa	66,064	61,430	59,687	58,644
Kerugian komprehensif lain:				
Item yang akan atau mungkin akan diklasifikasikan seterusnya kepada keuntungan atau kerugian				
Rizab nilai saksama				
Perolehan/(kerugian) bersih timbul pada tahun semasa	214	685	(841)	745
Perolehan terealisasi bersih dipindahkan ke penyata pendapatan	(10,329)	(2,697)	(5,857)	(2,610)
	<u>(10,115)</u>	<u>(2,012)</u>	<u>(6,698)</u>	<u>(1,865)</u>
Kesan cukai	1,688	466	1,688	466
	<u>(8,427)</u>	<u>(1,546)</u>	<u>(5,010)</u>	<u>(1,399)</u>
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun semasa	<u>57,637</u>	<u>59,884</u>	<u>54,677</u>	<u>57,245</u>
Keuntungan milik:				
Syarikat induk muktamad	64,377	60,489	59,687	58,644
Kepentingan bukan kawalan	1,687	941	-	-
	<u>66,064</u>	<u>61,430</u>	<u>59,687</u>	<u>58,644</u>
Jumlah pendapatan komprehensif milik:				
Syarikat induk muktamad	54,683	58,943	54,677	57,245
Kepentingan bukan kawalan	2,954	941	-	-
	<u>57,637</u>	<u>59,884</u>	<u>54,677</u>	<u>57,245</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

14730-X

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata perubahan dalam ekuiti
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

Kumpulan

	Tidak Boleh Diagih			Boleh Diagih	Ekuiti pemegang saham	Kepentingan	
	Modal Saham	Premium Saham	Rizab nilai saksama	Perolehan tertahan		Bukan Kawalan	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 1 Januari 2015	100,000	200	808	241,493	342,501	60,347	402,848
Rizab nilai saksama							
Perolehan bersih yang timbul semasa tahun	-	-	1,151	-	1,151	-	1,151
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(2,697)	-	(2,697)	-	(2,697)
Jumlah kerugian komprehensif lain bagi tahun	-	-	(1,546)	-	(1,546)	-	(1,546)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	60,489	60,489	941	61,430
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(1,546)	60,489	58,943	941	59,884
Penciptaan unit, bersih	-	-	-	-	-	6,060	6,060
Pengagihan kepada pemegang unit	-	-	-	-	-	(5,060)	(5,060)
Pada 31 Disember 2015	100,000	200	(738)	301,982	401,444	62,288	463,732
Pada 1 Januari 2016	100,000	200	(738)	301,982	401,444	62,288	463,732
Rizab nilai saksama							
Perolehan bersih yang timbul semasa tahun	-	-	1,902	-	1,902	-	1,902
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(10,329)	-	(10,329)	-	(10,329)
Jumlah kerugian komprehensif lain bagi tahun	-	-	(8,427)	-	(8,427)	-	(8,427)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	64,377	64,377	1,687	66,064
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(8,427)	64,377	55,950	1,687	57,637
Penciptaan unit, bersih	-	-	-	-	-	3,735	3,735
Pengagihan kepada pemegang unit	-	-	-	-	-	(3,083)	(3,083)
Pada 31 Disember 2016	100,000	200	(9,165)	366,359	457,394	64,627	522,021

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

14730-X

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata perubahan dalam ekuiti
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 (samb.)

Syarikat

	Modal Saham RM'000	Tidak Boleh Diagih Premium Saham RM'000	Rizab nilai saksama RM'000	Boleh Diagih Pendapatan tertahan RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2015	100,000	200	311	242,439	342,950
Rizab nilai saksama					
Perolehan bersih yang timbul semasa tahun	-	-	1,211	-	1,211
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(2,610)	-	(2,610)
Jumlah kerugian komprehensif lain bagi tahun	-	-	(1,399)	-	(1,399)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	58,644	58,644
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(1,399)	58,644	57,245
Pada 31 Disember 2015	100,000	200	(1,088)	301,083	400,195
Pada 1 Januari 2016	100,000	200	(1,088)	301,083	400,195
Rizab nilai saksama					
Perolehan bersih yang timbul semasa tahun	-	-	847	-	847
Perolehan bersih direalisasi dipindahkan ke penyata pendapatan	-	-	(5,857)	-	(5,857)
Jumlah kerugian komprehensif lain bagi tahun	-	-	(5,010)	-	(5,010)
Keuntungan bagi tahun	-	-	-	59,687	59,687
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	-	(5,010)	59,687	54,677
Pada 31 Disember 2016	100,000	200	(6,098)	360,770	454,872

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata aliran tunai
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti kendalian				
Keuntungan sebelum cukai	82,328	77,146	75,951	74,360
Pelarasan untuk:				
Pendapatan pelaburan	(39,601)	(35,458)	(37,356)	(32,412)
Perolehan terealisasi dicatatkan dalam keuntungan atau kerugian	(10,329)	(2,697)	(5,857)	(2,610)
Perolehan terealisasi daripada pelupusan hartanah pelaburan	(369)	(469)	(369)	(469)
Rosot-nilai hartanah dan peralatan	1,440	1,307	1,440	1,307
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	(79)	(4)	(79)	(4)
Rosot-nilai hartanah pelaburan	50	50	50	50
Pelunasan aset tidak ketara	1,092	816	1,092	816
Kerugian rosot nilai daripada aset kewangan AFS	2,708	869	2,708	844
Kerugian rosot nilai ke atas belum terima lain	100	-	-	-
Peruntukan bagi susut nilai belum terima insurans	1,802	4,731	1,802	4,731
Hutang lapuk dihapus kira	447	730	447	730
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	39,589	47,021	39,829	47,343
(Peningkatan)/pengurangan dalam LAR	(129,585)	(5,142)	(133,386)	7,031
Pengurangan dalam aset insurans semula	53,222	9,668	53,222	9,668
Pengurangan/(peningkatan) dalam belum terima insurans	39,307	(43,376)	39,307	(43,376)
Pengurangan/(peningkatan) dalam belum terima lain	15,483	(10,661)	14,676	(10,753)
(Pengurangan)/peningkatan dalam liabiliti kontrak insurans	(13,520)	32,148	(13,520)	32,148
(Pengurangan)/peningkatan dalam pemiutang insurans	(31,189)	39,448	(31,189)	39,448
Peningkatan/(pengurangan) dalam pemiutang lain	10,152	(15,138)	10,160	(15,179)
	(16,541)	53,968	(20,901)	66,330
Pendapatan dividen diterima	2,328	2,932	2,328	2,932
Pendapatan faedah diterima	35,107	27,629	33,468	25,848
Cukai pendapatan dibayar	(13,780)	(17,833)	(13,780)	(17,833)
Aliran tunai bersih dijana daripada aktiviti kendalian	7,114	66,696	1,115	77,277

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

Penyata aliran tunai
Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 (samb.)

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan				
Perolehan daripada pelupusan hartanah dan peralatan	81	6	81	6
Pembelian hartanah dan peralatan	(1,762)	(3,058)	(1,762)	(3,058)
Pembelian aset tidak ketara	(1,290)	(1,717)	(1,290)	(1,717)
Pembelian aset kewangan AFS	(157,351)	(170,901)	(27,605)	(97,243)
Perolehan daripada penjualan hartanah pelaburan	1,141	1,431	1,141	1,431
Perolehan daripada penjualan - aset kewangan AFS	159,360	89,175	39,039	18,364
Deposit diletakkan dengan institusi kewangan	77,858	20,464	78,887	10,660
Penebusan sekuriti pendapatan tetap	-	15,399	-	-
Aliran tunai bersih (digunakan dalam)/ dijana dari aktiviti pelabur	<u>78,037</u>	<u>(49,201)</u>	<u>88,491</u>	<u>(71,557)</u>
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan				
Perolehan daripada langganan unit saham	3,735	6,060	-	-
Pengagihan kepada pemegang unit saham	(3,083)	(5,060)	-	-
Aliran tunai bersih dijana daripada/ (digunakan dalam) aktiviti pembiayaan	<u>652</u>	<u>1,000</u>	<u>-</u>	<u>-</u>
Peningkatan bersih dalam tunai dan setara tunai	85,803	18,495	89,606	5,720
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	31,967	13,472	19,169	13,449
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun (Nota 11)	117,770	31,967	108,775	19,169

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2016

1. Maklumat korporat

Syarikat ialah sebuah syarikat awam liabiliti terhad, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia. Tempat perniagaan utama Syarikat terletak di Tingkat 8, Menara Multi-Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur.

Syarikat induk dan syarikat induk muktamad Syarikat adalah Multi-Purpose Capital Holdings Berhad dan MPH Capital Berhad masing-masing, kedua-duanya diperbadankan di Malaysia. MPH Capital Berhad disenaraikan di Bursa Saham Malaysia

Aktiviti utama Syarikat adalah penajajaminan semua kelas perniagaan insurans am. Aktiviti utama syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan.

Penyata kewangan telah diluluskan bagi penerbitan oleh Lembaga Pengarah menurut resolusi para Pengarah pada 21 Mac 2017.

2. Dasar perakaunan penting

2.1 Asas penyediaan

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2.4 telah digunakan dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat telah disediakan mengikut dasar kos sejarah, kecuali instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama dan liabiliti insurans yang diukur menurut kaedah penilaian yang dispesifikasikan dalam Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko ("Rangka Kerja RBC") yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") bagi penanggung insurans.

Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia ("RM") dan kesemua nilai digenapkan kepada ribu terdekat (RM'000) kecuali dinyatakan sebaliknya.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2016, Kumpulan dan Syarikat telah menerima pakai pindaan serta syarat-syarat terbaru MFRS yang merupakan mandatori bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016.

Penambahbaikan tahunan kepada Kitaran MFRS 2012-2014

Pindaan kepada MFRS 10, MFRS 12 dan MFRS 128: Entiti Pelaburan:

Penggunaan Pengecualian Penyatuan

Pindaan kepada MFRS 11: Perakaunan bagi Pemerolehan Kepentingan dalam Operasi Usaha Sama

MFRS 14: Perakaunan Tangguhan Kawal Selia

Pindaan kepada MFRS 101: Inisiatif Pendedahan

Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 138: Penjelasan Kaedah Diterima bagi Susutnilai dan Pelunasan

Pindaan kepada MFRS 116 dan MFRS 141: Pertanian: Tumbuhan Hasil

Pindaan kepada MFRS 127: Perakaunan Ekuiti Di Dalam Penyata Kewangan Berasingar.

Penerimaan pakai MFRS, dan pindaan kepada MFRS di atas tidak mempunyai sebarang kesan material ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dalam tahun kewangan semasa.

2.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum lagi berkuatkuasa

Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2017

Pindaan kepada MFRS 12, Pendedahan Kepentingan di dalam Entiti Lain (Penambahbaikan tahunan Kitaran MFRS 2012-2016)

Pindaan kepada MFRS 107, Penyata Aliran Tunai – Inisiatif Pendedahan

Pindaan kepada MFRS 112, Cukai Pendapatan – Pengiktirafan Aset Cukai Tertunda Bagi Kerugian Tidak Terealisasi

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum lagi berkuatkuasa (samb.)

***Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan kewangan bermula
pada atau selepas 1 Januari 2018***

MFRS 9, Instrumen Kewangan (2014)

MFRS 15, Hasil Daripada Perjanjian Dengan Pelanggan

MFRS 15, Hasil Daripada Perjanjian Dengan Pelanggan - Penjelasan kepada

MFRS 15, Hasil Daripada Perjanjian Dengan Pelanggan

Pindaan kepada MFRS 2, Pembayaran Berasaskan Saham – Klasifikasi dan

Pengukuran Urus Niaga Pembayaran Berasaskan Saham

Pindaan kepada MFRS 4, Kontrak Insurans – Penggunaan MFRS 9

Instrumen Kewangan dengan MFRS 4, Kontrak Insurans

Pindaan kepada MFRS 1, Penggunaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan

Kewangan Malaysia (Penambahbaikan tahunan Kitaran MFRS 2012-2016)

*Pindaan kepada MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama
(Penambahbaikan tahunan Kitaran MFRS 2012-2016)*

Pindaan kepada MFRS 140, Hartanah Pelaburan – Pindahan

Hartanah Pelaburan

Tafsiran IC 22, Urusniaga Mata Wang Asing dan Pertimbangan Pendahuluan

Berkuatkuasa bagi tempoh tahunan kewangan untuk ditentukan oleh MASB

*Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128: Jualan atau Sumbangan Aset di antara
Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Kumpulan dan Syarikat akan menerima pakai pengumuman-pengumuman ini apabila ianya mula menjadi efektif di dalam jangka masa kewangan masing-masing. Pengumuman-pengumuman ini dijangka tidak mempunyai kesan yang ketara ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat pada penggunaan awalnya kecuali seperti dihuraiakan di bawah:

MFRS 9 Instrumen Kewangan

Pada bulan November 2014, MASB telah menerbitkan edisi terbaru MFRS 9 Instrumen Kewangan yang akan mencerminkan ke semua fasa projek instrumen kewangan dan menggantikan MFRS 139 Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran dan ke semua edisi MFRS 9 sebelumnya. MFRS 9 adalah efektif bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018, dan penggunaan awal dibenarkan. Penggunaan retrospektif diperlukan, tetapi maklumat perbandingan tidak diwajibkan.

Piawaian ini memperkenalkan keperluan baru bagi klasifikasi dan penilaian aset dan liabiliti kewangan, rosot nilai aset kewangan dan perakaunan lindung nilai.

2. Dasar perakaunan penting (samb.)**2.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum lagi berkuatkuasa (samb.)****MFRS 9 Instrumen Kewangan: Klasifikasi dan Penilaian**

MFRS 9 mengasaskan tiga kategori pengukuran utama bagi aset kewangan: kos dilunaskan, nilai saksama menerusi untung atau rugi dan nilai saksama menerusi pendapatan komprehensif lain. Asas klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri perjanjian aliran tunai aset kewangan. Pelaburan di dalam instrumen ekuiti sentiasa dinilai pada nilai saksama menerusi untung atau rugi atau kerugian dengan opsyen tidak boleh dibatal pada permulaan kepada perubahan semasa di dalam nilai saksama pendapatan komprehensif. Ke semua instrumen ekuiti dinilai pada nilai saksama. Instrumen hutang diukur pada kos dilunas hanya sekiranya entiti memegangnya bagi pengumpulan aliran tunai berkontrak dan aliran tunai mewakili pokok dan faedah. Bagi liabiliti kewangan, piawaian mengekalkan kebanyakan keperluan MFRS 139. Ini termasuk perakaunan kos dilunaskan bagi kebanyakan liabiliti kewangan, dengan pencabangan derivatif terbenam. Perubahan yang ketara adalah di mana pilihan nilai saksama dipergunakan bagi liabiliti kewangan, bahagian perubahan nilai saksama disebabkan oleh risiko kredit entiti tersendiri dicatatkan di dalam pendapatan komprehensif lain dan bukannya di dalam penyata pendapatan, kecuali ini

MFRS 9 Instrumen Kewangan: Rosot Nilai

Keperluan rosot nilai digunapakai kepada aset kewangan dinilai pada kos dilunaskan dan nilai saksama menerusi OCI dan komitmen pinjaman tertentu dan juga kontrak jaminan kewangan. Pada pengiktirafan awal, peruntukan bagi rosot nilai diperlukan oleh kerugian kredit dijangkakan ('ECL'). Sekiranya terjadi peningkatan yang ketara di dalam risiko kredit, peruntukan bagi rosot nilai diperlukan bagi ECL bagi kesemua peristiwa kemungkiran yang mungkin berlaku sepanjang hayat anggaran instrumen kewangan tersebut. Penilaian risiko kredit, dan juga anggaran ECL perlu tidak berat sebelah, berwajarkan kemungkinan dan haruslah disertakan ke semua maklumat yang sedia ada yang relevan kepada penilaian tersebut, termasuk maklumat mengenai peristiwa lama, keadaan semasa dan unjuran yang munasabah dan disokong mengenai peristiwa-peristiwa masa depan dan keadaan ekonomi pada tarikh laporan.

MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan

MFRS 15 menetapkan model lima langkah baru yang akan digunakan pada hasil yang timbul daripada kontrak dengan pelanggan. MFRS 15 akan menggantikan panduan pengiktirafan hasil semasa termasuk MFRS 118 Hasil, MFRS 111 Kontrak Pembinaan dan tafsiran berkaitan apabila ianya berkuatkuasa.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.3 Piawaian diterbitkan tetapi belum lagi berkuatkuasa (samb.)

MFRS 15 Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan (samb.)

Prinsip teras dalam MFRS 15 adalah bahawa entiti mengiktiraf hasil yang menggambarkan pemindahan barangan atau perkhidmatan yang dijanjikan kepada pelanggan dalam jumlah yang menunjukkan pertimbangan yang layak diterima oleh entiti bagi barangan atau perkhidmatan tersebut.

Di bawah MFRS 15, sesuatu entiti mengiktiraf hasil apabila (atau sebagai) kewajipan pelaksanaan dipenuhi iaitu apabila "kawalan" barangan atau perkhidmatan yang mendasari kewajipan pelaksanaan tertentu dipindahkan kepada pelanggan.

Sama ada penggunaan retrospektif penuh atau diubahsuai diperlukan bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018 dengan pengguna pakaian awal dibenarkan.

MFRS 16 Pajakan

MFRS 16 akan menggantikan MFRS 117 Pajakan, Tafsiran IC 4 Menentukan sama ada Perjanjian mengandungi Pajakan, Tafsiran IC 115 Insentif Pajakan Operasi dan Tafsiran IC 127 Penilaian Kandungan Urusniaga Melibatkan Pajakan Berbentuk Undang-Undang. MFRS 16 menyatakan prinsip-prinsip bagi pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan pendedahan pajakan dan memerlukan penerima pajak untuk mengambil kira kesemua pajakan di bawah model lembaran lembaran tunggal yang seumpama dengan perakaunan bagi pajakan kewangan di bawah MFRS 117.

Pada tarikh permulaan pajakan, penerima pajakan akan mengiktiraf liabiliti untuk membuat pembayaran pajakan dan sesuatu aset yang mewakili hak penggunaan bagi aset pendasar sepanjang tempoh pajakan. Penerima pajakan diperlukan mengiktiraf perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan dan perbelanjaan susut nilai ke atas aset hak-guna.

Bagi pemberi pajak, MFRS 16 mengekalkan sebahagian besar daripada keperluan teras dalam MFRS 117. Pemberi pajak meneruskan pengelasan ke semua pajakan sama ada sebagai pajakan operasi atau pajakan kewangan dan menghitungkannya secara berasingan.

MFRS 16 berkuat kuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019. Permohonan awal adalah dibenarkan tetapi bukan sebelum entiti menggunakan pakai MFRS 15. Penerima pajakan boleh memilih untuk menggunakan piawaian dengan menggunakan sama ada pendekatan retrospektif penuh atau pendekatan retrospektif diubahsuai.

Kumpulan dan Syarikat sedang menilai kesan MFRS 9, MFRS 15 dan MFRS 16 dan

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting

(a) Subsidiari dan asas penyatuan

(i) Subsidiari

Dalam penyata kewangan berasingan Syarikat, pelaburan dalam subsidiari pada awalnya diiktiraf pada kos. Selepas itu, pelaburan dalam subsidiari yang terdiri daripada dana amanah saham dinilai menurut MFRS 139.

(ii) Asas penyatuan

Penyata kewangan yang telah disatukan merangkumi penyata kewangan Syarikat dan syarikat subsidiarinya pada tarikh pelaporan. Penyata kewangan syarikat subsidiari yang digunakan di dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan bagi tarikh laporan yang sama seperti Syarikat. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk urusanniaga dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Syarikat mengawal penerima pelaburan, sekiranya dan hanya sekiranya, Syarikat memenuhi ke semua yang berikut:

- (i) Kuasa ke atas penerima pelaburan (hak sedia ada yang memberikannya keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan berkaitan penerima pelaburan);
- (ii) Pendedahan, atau hak, terhadap pelbagai pulangan berpunca daripada pelaburannya dengan penerima pelaburan; dan
- (iii) Keupayaan untuk menggunakan kuasanya ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangannya.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(a) Subsidiari dan asas penyatuan (samb.)

(ii) Asas penyatuan (samb.)

Apabila Syarikat mempunyai hak mengundi majoriti yang kurang daripada penerima pelaburan, Syarikat akan mempertimbangkan yang berikut dalam menilai sama ada atau tidak hak mengundi Syarikat dalam penerima pelaburan mencukupi bagi memberikannya kuasa ke atas penerima

- (i) Jumlah pemegangan hak mengundi Syarikat berbanding dengan jumlah dan penyebaran pegangan pemegang hak mengundi lain;
- (ii) Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Syarikat, pemegang-pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- (iii) Hak yang timbul daripada perjanjian kontrak yang lain; dan
- (iv) Sebarang fakta tambahan dan situasi yang menunjukkan bahawa Syarikat mempunyai, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarahkan kegiatan yang berkaitan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak pengundian di mesyuarat pemegang saham

Subsidiari-subsidiari disatukan apabila Syarikat mempunyai kuasa ke atas subsidiari dan tamat apabila Syarikat kehilangan kawalan subsidiari tersebut. Ke semua baki, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian yang tidak terealisasi di antara kumpulan hasil daripada urusanniaga antara kumpulan dihapuskan sepenuhnya.

Kerugian dalam syarikat subsidiari adalah dikaitkan dengan kepentingan bukan kawalan walaupun ianya menghasilkan baki defisit.

Perubahan dalam kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan Kumpulan kehilangan kawalan ke atas syarikat subsidiari diambil kira sebagai urusanniaga ekuiti. Amaun dibawa bagi kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk mencerminkan perubahan dalam kepentingan berkaitan mereka dalam syarikat subsidiari. Perbezaan yang terhasil diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan dikaitkan dengan pemilik Syarikat.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2 Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(a) Subsidiari dan asas penyatuan (samb.)

(ii) Asas penyatuan (samb.)

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas subsidiari, keuntungan atau kerugian yang dikira sebagai perbezaan di antara (i) agregat nilai saksama pertimbangan yang diterima dan nilai saksama sebarang faedah terkumpul dan (ii) nilai dibawa sebelum ini bagi aset dan liabiliti syarikat subsidiari dan mana-mana kepentingan bukan kawalan, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Perolehan atau kerugian terkumpul subsidiari yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti dikelaskan semula kepada keuntungan atau kerugian atau jika berkenaan, akan dipindahkan ke keuntungan terkumpul. Nilai saksama bagi mana-mana pelaburan terkumpul dalam bekas syarikat subsidiari tersebut pada tarikh hilang kawalan dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal pelaburan.

(b) Hartanah dan peralatan dan susut nilai

Semua perkara hartanah dan peralatan pada mulanya direkodkan pada kos. Kos selanjutnya dimasukkan ke dalam jumlah dibawa aset atau dikira sebagai aset yang berasingan hanya jika faedah ekonomi pada masa hadapan aset itu dimasukkan dalam Kumpulan dan Syarikat dan kos aset itu boleh diukur dengan tepat. Jumlah dibawa untuk bahagian yang diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dicaj ke dalam penyata keuntungan atau kerugian pada tahun kewangan ianya ditanggung.

Selepas pengiktirafan, hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah sejajar dengan Nota 2.4 (j).

Susut nilai hartanah dan peralatan dihitung pada kadar garis lurus bagi menghapus kira kos setiap aset kepada nilai sisanya ke atas anggaran tempoh hayat kegunaannya. Kerja-kerja sedang dilaksanakan juga tidak dirosot nilai kerana aset ini tidak tersedia untuk digunakan. Apabila kerja-kerja dalam pelaksanaan disiapkan dan aset sedia untuk digunakan, ia diklasifikasikan semula kepada kategori hartanah dan peralatan. Kadar susut nilai tahunan adalah:

Kenderaan bermotor	20 %
Peralatan	10 to 33 %
Pengubahsuaian, perabot danengkapan	10 to 20 %
Tanah dan bangunan	2 %

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(b) Hartanah dan peralatan dan susut nilai (samb.)

Nilai sisa, tempoh hayat berguna dan kaedah susut nilai akan dinilai semula pada setiap akhir tahun kewangan untuk memastikan bahawa jumlah, kaedah dan tempoh susut nilai adalah konsisten dengan anggaran yang lalu dan jangkaan pola penggunaan faedah ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam perkara hartanah dan peralatan.

Hartanah dan peralatan tidak diiktiraf selepas pelupusan atau apabila hartanah dan peralatan itu tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Jika terdapat perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dengan jumlah dibawa bersih, jumlah itu akan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(c) Hartanah pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua-duanya.

Hartanah pelaburan pada mulanya diukur pada kos yang termasuk kos urusan berkaitan. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada kos tolak sebarang susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Dasar susut nilai bagi hartanah pelaburan adalah selaras dengan dasar susut nilai bagi hartanah dan peralatan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2.4 (b).

Hartanah pelaburan tidak diiktiraf selepas pelupusan atau apabila hartanah pelaburan itu tidak lagi digunakan dan tiada faedah ekonomi masa hadapan yang dijangka daripada pelupusannya. Sebarang keuntungan atau kerugian atas pelupusan hartanah pelaburan akan diiktiraf dalam penyata pendapatan pada tahun di mana ia berlaku.

(d) Aset tidak ketara

Aset tidak ketara terdiri daripada perisian aplikasi komputer yang dibeli untuk memenuhi keperluan unik Kumpulan dan Syarikat.

Aset tidak ketara yang dibeli secara berasingan diukur pada pengiktirafan awal pada kos. Berikutan pengiktirafan awal, aset tidak ketara dinyatakan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul. Aset tidak ketara yang dijana secara dalaman tidak dipermodalkan dan perbelanjaan ditunjukkan dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana perbelanjaan itu berlaku. Dasar pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai adalah sejajar dengan Nota 2.4 (j).

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(d) Aset tidak ketara (samb.)

Tempoh hayat berguna aset tidak ketara dinilai sama ada ia berhayat tetap atau tidak tetap.

Aset tidak ketara dengan hayat tetap akan dilunaskan mengikut hayat penggunaan ekonomi dan dinilai untuk rosot nilai jika terdapat tanda bahawa aset tidak ketara itu mungkin sudah rosot nilai. Tempoh pelunasan dan kaedah pelunasan aset tidak ketara dengan hayat tetap dinilai semula pada setiap akhir tahun kewangan. Perubahan dalam jangkaan hayat berguna atau jangkaan pola penggunaan faedah ekonomi masa hadapan yang terkandung dalam aset diambil kira dengan mengubah tempoh atau kaedah pelunasan dengan sewajarnya dan dianggap sebagai perubahan dalam anggaran perakaunan.

Lesen perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama lima tahun.

Kos berkaitan dengan penyelenggaraan program perisian diiktiraf sebagai perbelanjaan semasa ditanggung. Kos yang berkaitan terus dengan produk perisian yang dikenal pasti dan unik di bawah kawalan Kumpulan dan Syarikat, dan kemungkinan besar menghasilkan faedah ekonomi yang melebihi kos menjangkau satu tahun, diiktiraf sebagai aset tidak ketara. Kos merangkumi kos pekerja yang terlibat dalam pembangunan perisian dan bahagian overhead berkaitan yang diperuntukkan. Kos pembangunan perisian komputer diiktiraf sebagai aset dilunaskan dengan menggunakan kaedah garis lurus sepanjang anggaran tempoh hayat berguna yang tidak melebihi lima tahun.

Aset tidak ketara dengan hayat tidak tetap diuji rosot nilainya setiap tahun sama ada secara berasingan atau pada tahap unit penajaan tunai. Aset-aset tidak ketara ini tidak dilunaskan. Tempoh hayat berguna aset tidak ketara dengan hayat tidak tetap dinilai semula setiap tahun untuk menentukan sama ada penilaian hayat tidak tetap boleh diteruskan. Jika tidak, perubahan dalam penilaian hayat berguna dari tidak tetap ke tetap dibuat pada dasar prospektif.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada ketidakiktirafan aset tidak ketara diukur sebagai perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dengan jumlah dibawa aset dan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila aset itu sudah tidak diiktiraf.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(e) Aset kewangan

Kumpulan dan Syarikat mengklasifikasikan pelaburannya kepada aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS") dan pinjaman dan belum terima lain ("LAR").

Pengklasifikasian bergantung pada tujuan pembelian atau pengasalan pelaburan. Pengurusan menentukan pengklasifikasian pelaburan pada awal pengiktirafan dan menilai semula pada setiap tarikh laporan. Pada mulanya, Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf aset kewangan termasuk tunai dan deposit jangka pendek, pinjaman dan belum terima lain apabila ia menjadi pihak kepada peruntukan perjanjian instrumen.

Semua pembelian dan jualan aset kewangan cara biasa diiktiraf pada tarikh urusaniaga, iaitu tarikh Kumpulan dan Syarikat melakukan pembelian atau penjualan aset. Pembelian atau jualan aset kewangan cara biasa memerlukan penghantaran aset dalam tempoh yang biasanya ditentukan oleh perundangan atau amalan biasa di tempat pasaran.

LAR

LAR adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Pelaburan-pelaburan ini pada mulanya diiktiraf pada kos, sebagai nilai saksama pertimbangan dibayar untuk pembelian pelaburan ini. Semua kos urusaniaga yang terlibat langsung dengan pembelian juga termasuk dalam kos pelaburan. Selepas pengukuran awal, pinjaman dan belum terima diukur pada kos pelunasan, dengan menggunakan kaedah kadar hasil berkesan, tolak peruntukan rosot nilai. Keuntungan dan kerugian diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian apabila pelaburan-pelaburan tidak lagi diiktiraf atau sudah rosot nilai.

Kos pelunasan dikira menggunakan kaedah faedah efektif ditolak sebarang peruntukan rosot nilai dan pembayaran balik prinsipal atau pengurangan. Pengiraan ini mengambil kira sebarang premium atau diskaun daripada pengambilalihan dan merangkumi kos urus niaga dan bayaran yang merupakan sebahagian utama daripada kadar faedah efektif.

AFS

AFS adalah pelaburan bukan derivatif yang ditentukan sebagai tersedia untuk jualan atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana dua kategori sebelum ini. Pelaburan-pelaburan ini pada awalnya direkod pada nilai saksama. Selepas pengukuran awal, pelaburan AFS dikira semula pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian yang tidak direalisasi secara langsung di dalam ekuiti. Selepas ketidakiktirafan atau rosot nilai, keuntungan dan kerugian nilai saksama kumulatif yang dilaporkan sebelum ini dalam ekuiti dipindahkan ke dalam keuntungan atau kerugian.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(f) Nilai saksama instrumen kewangan

Pada mulanya, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga urusniaga, iaitu penanda terbaik nilai saksama. Nilai saksama pelaburan yang didagangkan secara aktif dalam pasaran kewangan terancang ditentukan dengan merujuk kepada harga bida pasaran yang disebut harga untuk aset dan harga tawaran untuk liabiliti pada waktu penutupan perniagaan pada tarikh laporan. Untuk pelaburan dalam amanah saham, nilai saksama ditentukan dengan merujuk kepada nilai aset bersih yang diterbitkan.

Bagi instrumen kewangan yang tidak mempunyai pasaran aktif seperti sekuriti tidak disebut harga, nilai saksama ditentukan berdasarkan sebut harga purata yang diperolehi daripada tiga institusi kewangan berlesen yang juga merupakan peniaga utama.

Jika nilai saksama tidak boleh dikira dengan tepat, instrumen-instrumen kewangan ini dikira pada kos, sebagai nilai saksama bagi pertimbangan dibayar pembelian instrumen atau jumlah yang diterima selepas menerbitkan liabiliti kewangan. Semua kos urusniaga yang berkait secara langsung dengan pembelian juga termasuk dalam kos pelaburan.

(g) Rosot nilai aset kewangan

Pada setiap tarikh laporan, Kumpulan dan Syarikat menilai sama ada aset kewangan atau kumpulan aset kewangan mempunyai rosot nilai.

Aset dibawa pada kos pelunasan

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosot nilai atas aset dibawa pada kos pelunasan telah berlaku, jumlah kerugian rosot nilai dikira sebagai perbezaan di antara jumlah dibawa aset dan nilai semasa jangkaan aliran tunai pada masa hadapan (tidak termasuk jangkaan kerugian kredit pada masa hadapan yang belum lagi berlaku) didiskaunkan pada kadar/hasil berkesan asal aset kewangan. Jumlah dibawa aset dikurangkan dan kerugian direkodkan dalam keuntungan atau kerugian.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)****2. Dasar perakaunan penting (samb.)****2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)****(g) Rosot nilai aset kewangan (samb.)*****Aset dibawa pada kos pelunasan(samb.)***

Pada mulanya Kumpulan dan Syarikat akan menilai sama ada bukti objektif rosot nilai wujud secara berasingan untuk aset kewangan yang penting secara berasingan, dan secara berasingan atau berkumpulan untuk aset kewangan yang tidak penting secara berasingan. Jika tidak terdapat bukti objektif tentang kewujudan rosot nilai untuk aset kewangan yang dinilai secara berasingan, sama ada penting atau tidak, aset-aset itu dimasukkan dalam kumpulan aset kewangan dengan sifat-sifat risiko kredit yang sama dan kumpulan aset kewangan dinilai secara bersama untuk rosot nilai. Aset yang dinilai secara berasingan untuk rosot nilai di mana kerugian rosot nilai diiktiraf atau kekal diiktiraf tidak dimasukkan dalam penilaian bersama rosot nilai. Penilaian rosot nilai dilakukan pada setiap tarikh laporan.

Satu kajian ke atas ke semua amaun yang tertunggak dilaksanakan pada akhir tempoh laporan. Peruntukan khusus bagi rosot nilai telah dibuat bagi belum terima lain yang telah dikaji secara individu dan telah dikanalpasti sebagai rosot nilai. Jumlah dibawa aset akan dikurangkan dengan menggunakan akaun peruntukan dan jumlah kerugian diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian. Belum terima lain dihapus kira apabila dianggap tidak boleh dipulih. Sekiranya sesuatu hapus kira dipulihkan kemudiannya, pulihan tersebut diiktiraf di dalam keuntungan atau kerugian.

Pelaburan AFS

Jika aset kewangan AFS telah rosot nilai, jumlah yang terdiri daripada perbezaan di antara kosnya (bersih daripada sebarang bayaran semula prinsipal dan pelunasan) dan nilai saksama semasanya, tolak sebarang kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelum ini dalam pendapatan komprehensif lain, dipindahkan daripada pendapatan komprehensif lain ke penyata pendapatan.

Songsangan kerugian rosot nilai atas instrument hutang diklasifikasikan sebagai AFS disongsangkan melalui penyata pendapatan jika peningkatan dalam nilai saksama instrumen boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(h) Aset kewangan yang dinyahiktirafkan

Aset kewangan tidak lagi diiktiraf apabila hak kontraktual Kumpulan dan Syarikat untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan luput atau di mana aset kewangan telah dipindahkan dan Kumpulan dan Syarikat juga telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(i) Instrumen ekuiti

Saham biasa diklasifikasikan sebagai ekuiti atas penyata kedudukan kewangan.

Dividen atas saham biasa diiktiraf sebagai liabiliti dan ditunjukkan dalam penyata perubahan dalam ekuiti dalam tempoh di mana ia diumumkan.

(j) Rosot Nilai aset bukan kewangan

Aset bukan kewangan diuji setiap tahun untuk rosot nilai. Jumlah dibawa aset dinilai semula pada setiap tarikh laporan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda rosot nilai. Jika terdapat tanda rosot nilai, jumlah boleh pulih aset dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosot nilai.

Bagi tujuan menjalankan ujian rosot nilai terhadap aset-aset ini, jumlah boleh pulih ditentukan berdasarkan aset individu kecuali aset itu tidak menjana aliran tunai yang kebanyakannya tidak bergantung pada aset-aset lain. Jika keadaan ini benar, jumlah boleh pulih ditentukan untuk unit penjanaan tunai ("CGU") kepunyaan aset itu.

Jumlah aset boleh pulih adalah lebih tinggi bagi sesuatu aset atau nilai saksama CGU ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Dalam penilaian nilai penggunaan, aliran tunai masa depan yang dianggarkan dikurangkan ke nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun pra cukai yang menunjukkan penilaian pasaran semasa untuk nilai masa wang dan risiko khusus aset. Apabila jumlah dibawa aset melebihi jumlah boleh pulih, aset tersebut dikira telah rosot nilai dan diturunkan kepada jumlah boleh pulih. Kerugian rosot nilai yang diiktiraf berkenaan CGU diperuntukkan untuk mengurangkan jumlah dibawa aset dalam unit atau kumpulan unit pada dasar pro rata.

Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia timbul, melainkan jika aset tersebut dibawa pada amaun yang dinilai semula, di mana kerugian rosotnilai diambilkira sebagai pengurangan penilaian semula sehingga tahap kerugian rosotnilai tidak melebihi jumlah dipegang di dalam rizab penilaian semula aset bagi aset yang sama.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(j) Rosot Nilai aset bukan kewangan (samb.)

Kerugian rosot nilai aset dibalikkan jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam penganggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah aset boleh pulih sejak kerugian rosot nilai yang dahulu diiktiraf. Nilai dibawa aset ditingkatkan ke jumlah boleh pulih yang telah diubah jika jumlah ini tidak melebihi jumlah dibawa yang akan ditentukan (pelunasan bersih atau susutnilai) tidak mempunyai kerugian rosot nilai yang diiktiraf untuk aset pada tahun-tahun sebelumnya. Kerugian rosot nilai yang dibalikkan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(k) Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dikelaskan menurut kandungan perjanjian kontrak yang dimeterai dan definisi liabiliti kewangan.

Liabiliti kewangan, dalam skop MFRS139, diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, Kumpulan dan Syarikat menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen kewangan.

Liabiliti kewangan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dan juga kos urusniaga secara langsung, dan seterusnya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif.

Bagi lain-lain liabiliti kewangan, hasil dan kerugian diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila liabiliti tidak lagi diiktiraf, dan melalui proses pelunasan.

Liabiliti kewangan tidak lagi diiktiraf apabila obligasi di bawah liabiliti dilupuskan. Apabila liabiliti kewangan sedia ada digantikan oleh pihak lain daripada pemberi pinjaman yang sama atas terma yang nyata berbeza, atau terma liabiliti sedia ada sebahagian besarnya diubahsuai, pertukaran atau pengubahsuaian sebegini dianggap sebagai penyahiktirafan liabiliti asal dan pengiktirafan liabiliti baru, dan perbezaan dalam amaun dibawa masing-masing diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(l) Pajak

(i) Sebagai penerima pajak

Pajakan kewangan yang memindahkan sebahagian besar risiko Kumpulan dan Syarikat dan ganjaran sampingan kepada pemilikan perkara dipajakan dipermodalkan pada permulaan pajak pada nilai saksama aset dipajakan atau, jika lebih rendah pada nilai semasa bayaran pajak minimum. Sebarang kos permulaan juga dimasukkan ke dalam jumlah dipermodalkan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(l) Pajakan (samb.)

(i) Sebagai penerima pajakan (samb.)

Aset yang dipajakkan disusut nilai mengikut anggaran hayat berguna aset. Namun demikian, jika tidak terdapat kepastian bahawa Kumpulan dan Syarikat akan menerima pemilikan pada akhir tempoh pajakan, aset itu disusutnilaikan mengikut anggaran hayat berguna yang dipendekkan dan tempoh pajakan.

Bayaran pajakan operasi diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan atas dasar akrual sepanjang tempoh pajakan.

(ii) Sebagai pemberi pajak

Pajakan di mana Kumpulan dan Syarikat mengekalkan kebanyakan daripada risiko dan memberi ganjaran pemilikan aset diklasifikasikan sebagai pajakan operasi. Penerimaan pajakan operasi diiktiraf sebagai pendapatan atas dasar akrual sepanjang tempoh pajakan.

(m) Pengklasifikasian produk

Syarikat menerbitkan kontrak yang memindahkan risiko insurans sahaja.

Risiko kewangan adalah risiko perubahan yang mungkin berlaku pada masa hadapan dalam satu atau lebih kadar faedah yang tertentu, harga instrumen kewangan, harga komoditi, kadar pertukaran asing, harga atau kadar indeks, penarafan kredit atau indeks kredit atau pemboleh ubah lain, jika pemboleh ubah bukan kewangan itu bukan khusus kepada pihak dalam kontrak. Risiko insurans adalah risiko yang bukan terdiri daripada risiko kewangan.

Kontrak insurans adalah kontrak yang memindahkan risiko insurans penting. Kontrak insurans adalah kontrak di mana Syarikat (penanggung insurans) telah menerima risiko insurans penting daripada pihak yang lain (pemegang polisi) dengan berjanji member pampasan kepada pemegang polisi jika peristiwa pada masa hadapan yang tidak pasti telah dispesifikasikan (peristiwa yang diinsuranskan) menjejaskan pemegang polisi dengan teruk. Sebagai garis panduan asas, Syarikat menentukan sama ada ia mempunyai risiko insurans yang penting, dengan membandingkan manfaat yang dibayar dengan manfaat yang perlu dibayar jika peristiwa yang diinsuranskan tidak berlaku.

Selepas kontrak diklasifikasikan sebagai kontrak insurans, ia kekal sebagai kontrak insurans untuk baki jangka hayatnya, walaupun risiko insurans banyak berkurangan semasa tempoh ini, melainkan semua hak dan obligasi telah dihapuskan atau tamat.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(m) Pengklasifikasian produk (samb.)

Namun demikian, kontrak pelaburan boleh diklasifikasikan semula sebagai kontrak insurans selepas tempoh permulaan jika risiko insurans menjadi ketara.

Kontrak insurans dan pelaburan diklasifikasikan selanjutnya sebagai mempunyai atau tidak mempunyai ciri-ciri penyertaan budi bicara ("DPF"). DPF adalah hak kontraktual untuk menerima faedah tambahan sebagai tambahan kepada faedah dijamin.

Syarikat tidak mempunyai sebarang kontrak pelaburan dan kontrak insurans yang dikeluarkan tidak mengandungi DPF.

(n) Insurans semula

Syarikat menyerahkan risiko insurans dalam perniagaan biasanya untuk kesemua perniagaannya. Aset insurans semula mewakili baki terhutang daripada syarikat insurans semula. Jumlah boleh pulih daripada penginsurans semula dijangka mengikut cara yang konsisten dengan peruntukan tuntutan tertunggak atau tuntutan dijelaskan yang berkenaan polisi penginsurans semula dan adalah selaras dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Pengaturan insurans semula tidak melepaskan Syarikat daripada tanggungjawabnya ke atas pemegang polisi. Premium dan tuntutan dibentangkan atas dasar kasar untuk kedua-dua insurans semula diserahkan dan diandaikan.

Aset insurans semula disemak semula untuk rosot nilai pada setiap tarikh laporan atau dengan lebih kerap apabila tanda rosot nilai timbul semasa tempoh laporan. Rosot nilai berlaku apabila terdapat bukti objektif hasil daripada peristiwa yang berlaku selepas pengiktirafan awal aset insurans semula bahawa Syarikat mungkin tidak menerima semua jumlah tertunggak yang sudah sampai tempoh dibawah terma-terma kontrak dan peristiwa itu mempunyai kesan yang boleh dikira dengan pasti ke atas jumlah yang akan diterima oleh Syarikat daripada penginsurans semula. Kerugian rosot nilai direkod dalam keuntungan atau kerugian.

Perolehan atau kerugian atas pembelian insurans semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta pada tarikh pembelian dan tidak dilunaskan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(n) Insurans semula (samb.)

Premium dan tuntutan ke atas insurans semula diandaikan diiktiraf sebagai hasil atau perbelanjaan dalam cara yang sama seperti keadaan jika insurans semula dianggap perniagaan langsung, dengan mengambil kira pengklasifikasian produk perniagaan insurans semula. Liabiliti insurans semula mewakili baki terhutang kepada syarikat insurans semula. Jumlah perlu dibayar dijangka dengan cara yang konsisten dengan kontrak insurans semula yang berkaitan.

Aset atau liabiliti insurans semula tidak diiktiraf apabila hak kontraktual telah dihapuskan atau tamat tempoh atau apabila kontrak dipindahkan kepada pihak lain.

(o) Keputusan pengunderaitan insurans am

Keputusan pengunderaitan insurans am ditentukan bagi setiap kelas perniagaan selepas mengambil kira, antaranya, penginsurans semula, premium tidak terperoleh, komisen dan tuntutan ditanggung.

(i) Premium Kasar

Premium kasar diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko yang diambil dalam tempoh kewangan tertentu.

(ii) Premium insurans semula

Premium insurans semula fakultatif aliran masuk diiktiraf dalam tempoh kewangan berhubung dengan risiko fakultatif yang diambil dalam tempoh kewangan tertentu, seperti dalam kes polisi langsung, berikutan tarikh permulaan risiko individu.

Untuk premium insurans semula yang berkaitan dengan triti berkadar, ia diiktiraf pada asas pemberitahuan berkala yang diterima daripada penyerah dalam keadaan pemberitahuan berkala mencerminkan risiko berasingan yang wujud dimulakan dan diinsuranskan semula pada tarikh permulaan yang berbeza untuk risiko-risiko ini dan diambil kira secara berkontrak, sebegini kepada penginsurans semula di bawah terma triti berkadar.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(o) Keputusan pengunderaitan insurans am (samb.)

(iii) Liabiliti premium

Peruntukan bagi premium tidak terperoleh mewakili premium yang diterima bagi risiko yang belum tamat tempohnya. Secara amnya, rizab dilepaskan sepanjang tempoh kontrak dan diiktiraf sebagai pendapatan premium.

Pada setiap tarikh laporan, Syarikat menyemak semula risiko aktifnya; dan ujian kecukupan liabiliti dilaksanakan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang kelebihan tuntutan yang dijangka secara keseluruhan dan kos pemerolehan tertunda ke atas premium belum diperolehi. Pengiraan ini menggunakan anggaran semasa aliran tunai kontraktual masa depan (dengan mengambil kira nisbah kerugian semasa) selepas mengambil kira pulangan pelaburan yang dijangka timbul ke atas aset yang berkaitan dengan peruntukan teknikal insurans am berkaitan. Sekiranya anggaran ini menunjukkan bahawa jumlah dibawa bagi premium tidak terperoleh ditolak kos pemerolehan tertunda berkaitan adalah tidak mencukupi, kekurangan ini diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan menyediakan peruntukan bagi kecukupan liabiliti.

Liabiliti premium dilaporkan pada jumlah yang lebih tinggi untuk agregat rizab premium tidak terperoleh ("UPR") untuk semua barisan perniagaan dan nilai anggaran terbaik rizab risiko penanggung insurans yang belum tamat ("URR") pada akhir tahun kewangan dan peruntukan margin risiko untuk sisihan negatif ("PRAD") yang dikira pada tahap keyakinan 75% pada tahap keseluruhan Syarikat. Jangkaan nilai yang terbaik ialah anggaran prospektif tentang bayaran masa hadapan yang dijangka timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuatkuasa pada akhir tahun kewangan termasuk peruntukan perbelanjaan penanggung insurans.

(a) URR

URR merupakan anggaran prospektif jangkaan bayaran masa hadapan yang timbul daripada peristiwa masa hadapan yang diinsuranskan di bawah polisi yang berkuat kuasa pada akhir tahun kewangan dan juga termasuk peruntukan perbelanjaan yang merangkumi overhead dan kos insurans semula yang dijangka akan ditanggung semasa tempoh belum tamat dalam mentadbirkan polisi ini dan menjelaskan tuntutan berkenaan dan jangkaan bayaran balik premium masa hadapan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(o) Keputusan pengunderaitan insurans am (samb.)

(iii) Liabiliti premium (samb.)

(b) UPR

Rizab Premium Tidak Terperoleh ("UPR") mewakili bahagian premium bersih tolak kos perolehan bersih yang berkaitan untuk polisi insurans bertulis pada tempoh belum tamat polisi pada akhir tahun kewangan.

Untuk menentukan UPR pada tarikh laporan, kaedah yang digunakan untuk mengira premium tidak terperoleh sebenar adalah seperti berikut:

- Kaedah 25% untuk kargo marin dan penerbangan dan perniagaan transit;
- Kaedah 1/24 untuk semua kelas perniagaan am yang lain untuk polisi Malaysia dengan kadar potongan berikut, atau komisen benar ditanggung, yang mana lebih rendah:
 - Motor dan bon 10%
 - Kebakaran, kejuruteraan, penerbangan dan badan kapal 15%
 - Perubatan 10 - 15%
 - Kelas lain 20%
- Kaedah 1/8 untuk semua kelas perniagaan triti aliran masuk luar negara yang lain dengan potongan sebanyak 20% untuk komisen;
- Polisi bukan tahunan menggunakan asas peruntukan masa sepanjang tempoh risiko.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(o) Keputusan pengunderaitan insurans am (samb.)

(iv) Liabiliti tuntutan

Liabiliti kontrak insurans am diiktiraf apabila kontrak dimeterai dan premium dikenakan. Liabiliti ini terdiri daripada peruntukan tuntutan tertunggak dan peruntukan bagi premium tidak terperoleh.

Peruntukan tuntutan tertunggak adalah berdasarkan anggaran kos muktamad bagi kesemua tuntutan yang ditanggung tetapi tidak dijelaskan pada tarikh pelaporan, sama ada dilaporkan atau tidak, bersama-sama dengan tuntutan berkaitan kos pengendalian dan pengurangan nilai dijangkakan daripada salvaj dan pemulihan lain. Kelengahan boleh dialami di dalam pemberitahuan dan penyelesaian beberapa jenis tuntutan tertentu, oleh itu, kos muktamad tuntutan ini tidak dapat diketahui dengan pasti pada tarikh laporan. Liabiliti dikira pada tarikh laporan menggunakan pelbagai teknik unjuran tuntutan piawaian aktuari berdasarkan data empirik dan andaian semasa yang mungkin merangkumi margin untuk penyelewengan ketara. Liabiliti tidak dikurangkan untuk nilai masa wang. Tiada peruntukan bagi rizab penyamaan atau malapetaka diiktiraf. Liabiliti dinyahiktirafkan apabila kontrak luput, dilepaskan atau dibatalkan.

Liabiliti tuntutan diiktiraf sebagai obligasi untuk membuat bayaran masa hadapan berhubung semua tuntutan yang telah ditanggung pada akhir tahun kewangan. Liabiliti tuntutan diiktiraf berhubung dengan insurans langsung dan insurans semula aliran masuk. Nilai itu adalah nilai anggaran terbaik liabiliti tuntutan yang termasuk peruntukan tuntutan dilaporkan, tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNER"), tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") dan perbelanjaan langsung dan tidak langsung berkaitan tuntutan serta PRAD pada tahap keyakinan 75% yang dikira pada tahap keseluruhan Syarikat. Ke semua ini adalah berdasarkan penilaian aktuari oleh ahli aktuari yang berkelayakan dengan menggunakan kaedah anggaran matematik berdasarkan, antaranya, pola perkembangan tuntutan sebenar.

(v) Kos pemerolehan

Kos pemerolehan dan pembaharuan polisi insurans ditolak pendapatan diperolehi daripada premium insurans semula diserahkan diiktiraf sebagai ditanggung dan diperuntukkan secara teratur ke tempoh kewangan di mana ia berkemungkinan menjana pendapatan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(p) Belum terima insurans

Belum terima insurans diiktiraf pada tarikh matang dan dikira pada nilai saksama pertimbangan diterima dan belum diterima.

Jika terdapat bukti objektif bahawa belum terima insurans telah rosot nilai, Syarikat mengurangkan jumlah dibawa belum terima insurans dengan sewajarnya dan mengiktiraf kerugian rosot nilai ini dalam penyata pendapatan. Syarikat mengumpul bukti objektif bahawa belum terima insurans telah rosot nilai dengan menggunakan proses sama yang dilakukan untuk aset kewangan dibawa pada kos dilunaskan. Kerugian rosot nilai dikira dengan kaedah yang sama yang digunakan untuk aset-aset kewangan ini. Proses-proses ini dijelaskan dalam Nota

Belum terima insurans tidak diiktiraf apabila kriteria ketidakiktirafan untuk aset kewangan, seperti yang dijelaskan dalam Nota 2.4 (h) telah dipenuhi.

(q) Pengiktirafan hasil lain

Hasil diiktiraf sehingga ke tahap kemungkinan bahawa faedah ekonomi berkaitan dengan urusan akan mengalir ke Kumpulan dan Syarikat dan hasil boleh diukur dengan tepat. Kriteria pengiktirafan spesifik berikut juga mesti dipenuhi sebelum hasil diiktiraf.

(i) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf atas dasar akrual kecuali di mana kemungkiran dalam pembayaran sewa telah berlaku dan sewa tertunggak untuk lebih daripada enam bulan, di mana pengiktirafan pendapatan sewa digantung. Selepas penggantungan, pendapatan diiktiraf atas asas penerimaan sehingga semua tunggakan telah dibayar.

(ii) Pendapatan pelaburan dan pendapatan faedah atas pinjaman

Pendapatan pelaburan dan pendapatan faedah diiktiraf dalam penyata kewangan pada asas akrual menggunakan kaedah faedah efektif.

(iii) Pendapatan dividen/agihan daripada dana amanah saham

Pendapatan dividen/agihan daripada dana amanah saham diiktiraf atas dasar akrual apabila hak Syarikat untuk menerima bayaran adalah mapan.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(q) Pengiktirafan hasil lain (samb.)

(iv) Keuntungan dan kerugian terealisasi atas pelaburan

Keuntungan dan kerugian terealisasi direkodkan dalam penyata pendapatan atas pelaburan termasuk keuntungan dan kerugian atas aset kewangan dan hartanah pelaburan. Keuntungan dan kerugian atas penjualan pelaburan dikira sebagai perbezaan di antara hasil jualan bersih dengan kos asal atau dilunaskan dan direkodkan semasa urusan jualan berlaku.

(r) Mata wang asing

Penyata kewangan dikemukakan dalam Ringgit Malaysia yang merupakan mata wang fungsian Kumpulan dan Syarikat.

Urusniaga dalam mata wang asing pada mulanya direkodkan kadar mata wang fungsian mengikut kadar pertukaran pada tarikh urusanniaga. Aset dan liabiliti monetari yang didenominasikan dalam mata wang asing ditukarkan semula pada kadar pertukaran mata wang fungsian berkuat kuasa pada tarikh laporan. Kesemua perbezaan ini diambilkira dalam keuntungan atau kerugian.

(s) Cukai pendapatan

Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai pendapatan belum bayar yang dijangka berkenaan keuntungan dikenakan cukai pada tahun kewangan dan dikira dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubalkan pada tarikh laporan.

Cukai tertunda diperuntukkan dengan menggunakan kaedah liabiliti. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh dicukai manakala aset cukai tertunda hanya diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna sehingga terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dicukai akan tersedia terhadap perbezaan sementara boleh ditolak, kerugian cukai tidak diguna dan kredit cukai tidak diguna boleh digunakan. Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada muhibah atau muhibah negatif atau daripada pengiktirafan awal di mana aset atau liabiliti dalam sesuatu urusanniaga bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusanniaga, keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai tidak terjejas.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan dalam tempoh semasa aset direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubalkan atau digubalkan secara hakiki pada tarikh laporan. Cukai tertunda diiktiraf dalam penyata pendapatan, kecuali apabila ia timbul daripada urusanniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam ekuiti.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.4 Ringkasan dasar perakaunan penting (samb.)

(t) Manfaat pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana perkhidmatan yang berkaitan itu diberikan oleh kakitangan Syarikat. Ketidakhadiran diganti terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan yang diberikan oleh pekerja menyebabkan peningkatan hak mereka kepada baki diganti pada masa hadapan dan ketidakhadiran diganti tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketidakhadiran itu berlaku.

(ii) Pelan sumbangan ditetapkan

Selaras dengan keperluan perundangan, syarikat-syarikat di Malaysia membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Sumbangan-sumbangan ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan semasa ditanggung.

(u) Tunai dan setara tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dan baki bank dan deposit tetap dengan tempoh matang kurang daripada 3 bulan.

Penyata aliran tunai telah disediakan dengan menggunakan kaedah tidak langsung.

(v) Kepentingan bukan kawalan

Kepentingan bukan kawalan adalah ekuiti dalam subsidiari yang tidak boleh diagih, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk, dan diwakili secara berasingan di dalam penyata pendapatan komprehensif dan di dalam ekuiti pada penyata kedudukan kewangan, secara asing daripada ekuiti boleh diagih kepada syarikat induk.

Perubahan di dalam kepentingan pemilikan syarikat induk di dalam subsidiari yang tidak membawa kepada kehilangan kawalan dihitung sebagai urusan ekuiti. Dalam keadaan sebegini, jumlah dibawa kepentingan kawalan dan di luar kawalan diselaraskan bagi mencerminkan kepentingan masing-masing di dalam subsidiari. Sebarang perbezaan di antara jumlah di mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan dan nilai saksama pertimbangan dibayar atau diterima diiktiraf secara langsung di dalam ekuiti dan diagihkan kepada syarikat induk.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)****2. Dasar perakaunan penting (samb.)****2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan penting****(a) Pertimbangan kritikal dalam menggunakan dasar perakaunan Kumpulan**

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan penggunaan anggaran dan andaian yang mempunyai kesan terhadap penggunaan dasar dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Walaupun anggaran ini berdasarkan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan langkah-langkah semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut. Anggaran perakaunan kritikal dan andaian yang digunakan adalah penting kepada penyata kewangan, dan bahagian yang melibatkan pertimbangan dan kerumitan yang lebih tinggi, dinyatakan seperti berikut:

(i) Rosot nilai aset kewangan AFS

Pertimbangan penting diperlukan untuk menilai rosot nilai bagi aset kewangan AFS. Syarikat menilai tempoh dan sejauh mana nilai saksama pelaburan adalah kurang daripada kosnya, kedudukan kewangan dan prospek perniagaan jangka terdekat bagi pelaburan, termasuk tetapi tidak terhad kepada faktor-faktor seperti prestasi industri dan sektor, perubahan dalam teknologi; dan aliran tunai operasi dan kewangan. Amaun dibawa aset kewangan AFS Kumpulan dan Syarikat dinyatakan dalam Nota 6.

(ii) Rosot nilai belum terima

Syarikat menilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah merosot. Faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh Syarikat adalah kebarangkalian ketidaksolvenan atau kesukaran kewangan ketara belum terima dan keingkaran atau kelewatan dalam pembayaran. Syarikat juga mempertimbangkan risiko kemungkiran industri dan kredit penarafan, aliran pembayaran dan pengusian belum terima. Amaun dibawa bagi insurans belum terima Kumpulan dan Syarikat dan lain-lain belum terima adalah seperti yang dinyatakan masing-masing dalam Nota 9 dan 10.

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan penting (samb.)

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran

Andaian utama berkenaan masa depan dan sumber utama ketidakpastian anggaran lain pada tarikh laporan yang mempunyai kesan risiko besar menyebabkan pelarasan ketara kepada jumlah dibawa aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya dibincangkan di bawah:

(i) Penilaian liabiliti kontrak insurans

Bagi kontrak insurans, anggaran perlu dibuat untuk kedua-dua jangkaan kos tuntutan muktamad yang dilaporkan pada tarikh laporan dan jangkaan kos muktamad untuk tuntutan ditanggung tetapi tidak dilaporkan ("IBNR") pada tarikh laporan.

Jangka masa yang panjang perlu diambil sebelum kos tuntutan muktamad boleh diwujudkan dengan pasti dan untuk sesetengah polisi, tuntutan IBNR membentuk sebahagian besar liabiliti yang dilaporkan. Kos tuntutan tertunggak muktamad dianggarkan dengan menggunakan teknik unjuran tuntutan aktuari yang standard seperti kaedah Rantai Tangga dan Bornheutter-Ferguson.

Andaian utama untuk teknik-teknik ini adalah pengalaman perkembangan tuntutan lalu Syarikat digunakan untuk mengunjurkan perkembangan tuntutan masa hadapan dan kos tuntutan muktamad. Oleh itu, kaedah-kaedah ini mengekstrapolasi perkembangan kerugian dibayar dan ditanggung, kos purata setiap tuntutan dan bilangan tuntutan berdasarkan perkembangan yang diperhatikan pada tahun-tahun awal dan jangkaan nisbah kerugian. Perkembangan tuntutan sejarah biasanya dianalisis mengikut tahun-tahun kemalangan tetapi boleh dianalisis lanjut mengikut kawasan geografi dan barisan perniagaan penting serta jenis tuntutan. Tuntutan yang besar dikendalikan secara berasingan, sama ada dirizabkan pada nilai muka yang dijangka oleh penaksir kerugian atau diunjurkan secara berasingan untuk mencerminkan perkembangan masa hadapan. Dalam kebanyakan kes, tiada andaian eksplisit dibuat berkenaan kadar masa hadapan inflasi tuntutan atau nisbah kerugian. Sebaliknya, andaian yang digunakan adalah andaian yang implisit dalam data perkembangan tuntutan sejarah pada masa unjuran diasaskan. Pertimbangan kualitatif tambahan digunakan untuk menilai tahap arah aliran yang lepas yang berkemungkinan tidak dapat diaplikasikan pada masa hadapan (misalannya, untuk mencerminkan kejadian yang jarang berlaku, perubahan dalam faktor luaran atau pasaran seperti sikap masyarakat terhadap tuntutan, keadaan ekonomi, tahap tuntutan inflasi, keputusan kehakiman dan perundangan, dan faktor dalaman seperti campuran portfolio, ciri-ciri polisi dan prosedur pengendalian tuntutan) untuk mendapatkan jangkaan kos muktamad tuntutan yang menunjukkan hasil yang berkemungkinan berlaku daripada sejumlah hasil selepas mempertimbangkan kesemua ketidakpastian. Pergerakan dan amaun dibawa liabiliti kontrak insurans dinyatakan dalam Nota 14.

2. Dasar perakaunan penting (samb.)

2.5 Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan penting (samb.)

(b) Sumber utama ketidakpastian anggaran (samb.)

(ii) Hartanah pelaburan

Dalam menganggarkan nilai saksama hartanah pelaburan, Kumpulan menggunakan data pasaran yang boleh diperhatikan setakat ianya boleh didapati. Di mana input tahap 1 tidak boleh didapati, Kumpulan mendapatkan perkhidmatan penilai bertauliah pihak ketiga untuk melaksanakan penilaian dalam menentukan teknik penilaian dan input yang sesuai kepada model.

Maklumat mengenai teknik penilaian dan input yang digunakan dalam menentukan nilai saksama hartanah pelaburan Kumpulan dan Syarikat dinyatakan dalam Nota 4 dan 32.

14730-X

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

3. Hartanah dan peralatan

	Tanah dan bangunan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Pengubahsuaian perabot dan pemasangan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan dan Syarikat					
2016					
Kos					
Pada 1 Januari 2016	3,185	387	9,340	6,567	19,479
Penambahan	-	301	913	548	1,762
Pelupusan	-	(303)	(252)	(34)	(589)
Pada 31 Disember 2016	<u>3,185</u>	<u>385</u>	<u>10,001</u>	<u>7,081</u>	<u>20,652</u>
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari 2016	434	333	6,616	4,478	11,861
Caj bagi tahun	64	67	802	507	1,440
Pelupusan	-	(303)	(250)	(34)	(587)
Pada 31 Disember 2016	<u>498</u>	<u>97</u>	<u>7,168</u>	<u>4,951</u>	<u>12,714</u>
Amaun dibawa bersih					
Pada 31 Disember 2016	<u>2,687</u>	<u>288</u>	<u>2,833</u>	<u>2,130</u>	<u>7,938</u>
Nilai saksama indikatif bagi tanah dan bangunan*					
RM'000					
Pada 31 Disember 2016	<u>4,950</u>				

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

3. Hartanah dan peralatan (samb.)

	Tanah dan bangunan RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Peralatan pejabat dan komputer RM'000	Pengubahsuaian perabot dan pemasangan RM'000	Jumlah RM'000
Kumpulan dan Syarikat					
2015					
Kos					
Pada 1 Januari 2015	3,185	387	7,182	5,818	16,572
Penambahan	-	-	2,289	769	3,058
Pelupusan	-	-	(131)	(20)	(151)
Pada 31 Disember 2015	<u>3,185</u>	<u>387</u>	<u>9,340</u>	<u>6,567</u>	<u>19,479</u>
Susutnilai terkumpul					
Pada 1 Januari 2015	370	316	6,018	3,999	10,703
Caj bagi tahun	64	17	729	497	1,307
Pelupusan	-	-	(131)	(18)	(149)
Pada 31 Disember 2015	<u>434</u>	<u>333</u>	<u>6,616</u>	<u>4,478</u>	<u>11,861</u>
Amaun dibawa bersih					
Pada 31 Disember 2015	<u>2,751</u>	<u>54</u>	<u>2,724</u>	<u>2,089</u>	<u>7,618</u>
Nilai saksama indikatif bagi tanah dan bangunan*					
	RM'000				
Pada 31 Disember 2015	<u>4,850</u>				

* Berdasarkan penilaian yang dilaksanakan oleh para penilai bebas.

** Berdasarkan penilaian maklumat sedia ada yang dilakukan oleh Syarikat pada tarikh laporan.

*** Kos aset bagi hartanah dan peralatan yang masih digunakan telah disusutnilai sepenuhnya pada 31 Disember 2016 berjumlah RM8,968,307 (2015: RM8,069,333).

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

4. Hartanah pelaburan

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Kumpulan dan Syarikat		
Kos		
Pada 1 Januari	8,835	9,796
Pelupusan	(772)	(962)
Pada 31 Disember	<u>8,063</u>	<u>8,834</u>
Susutnilai terkumpul		
Pada 1 Januari	151	100
Caj bagi tahun	50	50
Pada 31 Disember	<u>201</u>	<u>150</u>
Amaun dibawa bersih	<u>7,862</u>	<u>8,684</u>
Nilai saksama indikatif	<u>9,400</u>	<u>11,200</u>

Pelaburan hartanah terdiri daripada 4 unit hartanah kediaman dan satu bangunan komersial yang terletak di Pulau Pinang.

Hartanah pelaburan dan tanah dan bangunan di dalam hartanah dan peralatan dinyatakan pada kos. Nilai saksama dianggarkan adalah berdasarkan penilaian yang dilakukan oleh penilai bebas yang bertauliah dengan pengalaman terkini dalam lokasi dan kategori hartanah yang dinilai. Nilai saksama ditentukan dengan menggunakan kaedah perbandingan penilaian.

Di bawah kaedah perbandingan, nilai saksama dianggarkan dengan mempertimbangkan penjualan hartanah yang serupa atau pengganti dan data pasaran yang berkaitan dan menubuhkan suatu anggaran nilai dengan pelarasan dibuat menggunakan faktor-faktor termasuk lokasi, akses, keadaan pasaran, saiz, bentuk dan rupa bumi tanah yang mempunyai kesan terhadap nilai.

Penilaian yang dikemaskini telah dilaksanakan oleh penilai pada bulan Januari dan Februari 2017 bagi nilai pasaran pelaburan hartanah dan tanah dan bangunan hartanah, loji dan peralatan pada 31 Disember 2016. Penilaian dikemaskini mendedahkan bahawa tidak ada sebarang perubahan penting dalam kaedah penilaian digunakan berbanding dengan laporan penilaian sebelumnya pada tahun 2013.

Pergerakan dan andaian utama yang digunakan dalam penilaian adalah seperti yang

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

4. Hartanah pelaburan (samb.)

Nilai saksama indikatif bagi 31 Disember 2016 adalah berdasarkan penilaian yang dilaksanakan oleh penilai yang dilantik. Nilai saksama indikatif bagi 31 Disember 2015 telah ditentukan berdasarkan kepada maklumat terhad yang ada dan melibatkan perbandingan di antara hartanah tersebut dengan sifat-sifat hartanah yang serupa yang telah dijual pada ketika itu. Ciri-ciri, kebaikan dan keburukan sifat-sifat hartanah ini dicatatkan dan penyelarasan yang sesuai kemudiannya dibuat bagi menyesuaikan dengan nilai pasaran

5. Aset tidak ketara

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Kumpulan dan Syarikat		
Kos		
Pada 1 Januari	7,743	6,026
Tambahan	1,290	1,717
Pada 31 Disember	<u>9,033</u>	<u>7,743</u>
Pelunasan terkumpul		
Pada 1 Januari	4,783	3,967
Caj bagi tahun	1,092	816
Pada 31 Disember	<u>5,875</u>	<u>4,783</u>
Jumlah dibawa bersih	<u>3,158</u>	<u>2,960</u>

Aset tidak ketara terdiri daripada perisian aplikasi komputer yang telah dibangunkan atau diperolehi untuk memenuhi keperluan unik Kumpulan dan Syarikat.

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

6. Sekuriti pelaburan

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Sekuriti Kerajaan				
Malaysia	13,051	13,116	-	-
Sekuriti hutang	267,291	262,168	-	483
Sekuriti ekuiti	56,739	70,694	56,739	70,694
Dana amanah saham*	50,770	49,985	276,312	276,859
Deposit dengan institusi keuangan	588,665	456,307	579,889	446,503
	<u>976,516</u>	<u>852,270</u>	<u>912,940</u>	<u>794,539</u>

* Termasuk dalam dana amanah saham Syarikat adalah pelaburan dalam subsidiari berjumlah RM225.5 juta (2015: RM226.9 juta) seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 (c).

Sekuriti pelaburan Kumpulan dan Syarikat diringkaskan mengikut kategori seperti berikut:

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Aset kewangan tersedia untuk jualan ("AFS")	387,851	395,963	333,051	348,036
Pinjaman dan belum terima ("LAR")	588,665	456,307	579,889	446,503
	<u>976,516</u>	<u>852,270</u>	<u>912,940</u>	<u>794,539</u>

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

6. Sekuriti pelaburan (samb.)

(a) Sekuriti tersedia untuk jualan ("AFS")

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Pada nilai saksama				
Sekuriti ekuiti				
Disebut harga di Malaysia	56,600	66,559	56,600	66,559
Disebut harga di luar Malaysia	6,054	7,342	6,054	7,342
Peruntukan bagi rosot nilai	(5,915)	(3,207)	(5,915)	(3,207)
	56,739	70,694	56,739	70,694
Sekuriti Kerajaan Malaysia				
Sekuriti Kerajaan Malaysia	13,051	13,116	-	-
Sekuriti hutang				
Tidak disebut harga di Malaysia	267,291	262,168	-	483
Dana Amanah Saham				
Disebut harga di Malaysia	50,770	49,985	50,770	49,986
Tidak disebut harga di Malaysia	-	-	225,542	226,873
	50,770	49,985	276,312	276,859
	387,851	395,963	333,051	348,036

Pergerakan peruntukan bagi rosot nilai:

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Pada 1 Januari	3,207	2,338	3,207	2,363
Peruntukan bagi tahun	2,708	869	2,708	844
Pada 31 Disember	5,915	3,207	5,915	3,207

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

6. Sekuriti pelaburan (samb.)

(b) Pinjaman dan belum terima ("LAR")

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Kos dilunaskan				
Deposit tetap dan panggilan dengan institusi kewangan berlesen	588,665	456,307	579,889	446,503
- Deposit tetap dan panggilan dengan pegangan kurang daripada atau setara dengan 3 bulan	98,323	20,464	89,547	10,660
- Kadar faedah berkesan berwajaran (setahun)	4.0%	3.6%	3.4%	3.5%
- Tempoh matang	< 3 bulan	< 3 bulan	< 3 bulan	< 3 bulan
- Deposit tetap dan panggilan dengan pegangan di antara 4 dan 18 bulan	490,342	435,843	490,342	435,843
- Kadar faedah berkesan berwajaran (setahun)	4.0%	4.1%	4.0%	4.1%
- Tempoh matang	4-12 bulan	4-12 bulan	4-12 bulan	4-12 bulan

Amaun dibawa deposit tetap dan panggilan menghampiri nilai saksama disebabkan oleh sifat jangka pendek yang baki ini dan risiko perubahan dalam nilai yang tidak ketara.

(c) Pelaburan dalam subsidiari

Selaras dengan pematuhan MFRS 10, penyata kewangan Kumpulan kini merangkumi Dana yang telah disatukan dengan penyata kewangan Syarikat.

Butiran bagi dana unit amanah tidak disebut harga di Malaysia, pada nilai saksama, adalah seperti berikut:

	Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000
Pada 1 Januari	226,873	141,891
Tabahan / (Pelupusan)	(1,331)	84,982
Pada 31 Disember	225,542	226,873

**MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)**

6. Sekuriti pelaburan (samb.)

(c) Pelaburan dalam subsidiari (samb.)

Subsidiari Syarikat, yang ditubuhkan di Malaysia dan dipegang secara langsung oleh Syarikat, adalah seperti berikut:

	Faedah efektif Syarikat		Aktiviti utama
	2016 %	2015 %	
Dana Opus Institutional Income 2 * ("OPUS IIF2")	68.73	70.14	Dana Runcit
Dana United Institutional Income 2 ("UNITED IIF2")	98.76	98.76	Dana Runcit

Baki 31.27% (2015: 29.86%) dalam OPUS IIF2 dan 1.24% di United IIF2 dipegang oleh pelabur yang berkaitan dengan Syarikat.

* Tidak diaudit oleh Ernst & Young dan firma anggotanya

7. Pinjaman

	2016 RM'000	2015 RM'000
Kumpulan dan Syarikat		
Pinjaman perumahan pekerja, dicagar	15	15
Boleh diterima selepas 12 bulan	15	15

Kadar faedah berwajar kepada pinjaman pekerja pada 31 Disember 2016 adalah 5% (2015: 5%) setahun.

Nilai saksama pinjaman telah ditentukan bagi menghampiri jumlah yang dibawa kerana ini adalah tidak penting dalam konteks penyata kewangan.

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

8. Aset insurans semula

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Kumpulan dan Syarikat		
Insurans semula kontrak insurans		
Liabiliti tuntutan (Nota 14)	284,768	329,785
Liabiliti Premium (Nota 14)	96,288	104,493
	<u>381,056</u>	<u>434,278</u>

9. Belum terima insurans

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Kumpulan dan Syarikat		
Premium terhutang termasuk baki agen/broker dan penginsuran bersama	123,220	134,128
Amaun terhutang daripada penginsuran semula #	41,649	69,682
Amaun terhutang daripada syarikat induk muftamad	-	9
Amaun terhutang daripada syarikat berkaian*	249	1,053
	<u>165,118</u>	<u>204,872</u>
Peruntukan untuk rosot nilai		
- Individu	(16,986)	(17,629)
- Kolektif	(2,776)	(331)
	<u>145,356</u>	<u>186,912</u>

Baki kasar sebelum pengoffsetan berkaitan dengan jumlah terhutang daripada syarikat insurans semula tidak dinyatakan kerana maklumat ini tidak tersedia ada.

* Amaun terhutang daripada syarikat-syarikat berkaitan adalah tidak bercagar, tidak dikenakan faedah dan tertakluk kepada syarat kredit biasa 90 hari (2015: 90 hari).

MPI Generali Insurans Berhad
(Diperbadankan di Malaysia)

10. Belum terima lain

	Kumpulan		Syarikat	
	2016 RM'000	2015 RM'000	2016 RM'000	2015 RM'000
Perkongsian aset bersih di dalam Malaysian Motor Insurance Pool ("MMIP")	49,771	60,923	49,771	60,923
Pendapatan belum terima dan terakru	10,017	11,528	10,017	8,595
Deposit dan bayaran terdahulu	1,572	1,421	1,572	1,421
Amaun terhutang daripada broker saham	-	2	-	2
Lain-lain penghutang	7,154	7,120	3,587	7,120
Peruntukan bagi rosot nilai	(100)	-	-	-
	<u>7,054</u>	<u>7,120</u>	<u>3,587</u>	<u>7,120</u>
	<u>68,414</u>	<u>80,994</u>	<u>64,947</u>	<u>78,061</u>

